Mafi said to further boost the activities of food producers, the Veterinary Services Department will also continue to simplify and speed up the subsidy claim process for poultry breeders.

ADVERTISING



Save Up 90% Electricity
Bill
Solar Energy

It added that industry players involved in the engagement session had expressed their commitment to continue to supply chicken to meet the needs of local consumers. – Bernama

[◀ PREVIOUS ARTICLE](#)

[NEXT ARTICLE ▶](#)

PM: Malaysia keen to learn from Itabashi's experience in addressing Covid-19 impact

Azam: MACC opens 379 investigation papers, arrests 425 individuals as of April

RECOMMENDED POSTS

Monkeypox: No cases received by MOH so far

Lackadaisical attitude to blame for Labuan's river pollution

Dengue bigger menace than monkeypox in Malaysia, says doctors' group

MACC has huge responsibility of restoring public trust, confidence, says former CJ

Former diplomat, son detained on suspicion of growing cannabis in Janda Baik

Supply and demand imbalance, high traffic volume among factors leading to e-hailing fare surge

Mustapa: Inflation low and under control due to subsidies, price controls



Lawyer Mohamed Haniff's suit against Bersatu to go full trial in 2024

Health DG: HFMD cases rise by 20-fold, Selangor still records highest number

Azam: MACC opens 379 investigation papers, arrests 425 individuals as of April



Like us on Facebook



Follow us on Twitter



Subscribe to our Youtube channel

[About Us](#)

[Privacy Policy](#)

[Terms and Conditions](#)

[Contact Us](#)

[Vacancies](#)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Permudah kemasukan pekerja asing dalam sektor ternakan ayam



Sektor ternakan ayam memerlukan ramai tenaga kerja warga asing.

JOHOR BAHRU- Isu bekalan ayam terhad dijangka tidak berlarutan sekiranya kerajaan memudahkan kemasukan pekerja asing khususnya kepada penternak yang berdepan masalah pekerja di ladang.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng berkata, walaupun kerajaan memberi jaminan harga dan pengeluaran ayam akan kembali stabil, namun isu pekerja di ladang ternakan lebih kritikal dan memerlukan perhatian serius.

"Di Johor sahaja terdapat lebih 700 penternak ayam. Dianggarkan lebih 10,000 ribu pekerja diperlukan di ladang ternakan. Kebanyakan pekerja di ladang merupakan pekerja asing dari negara jiran seperti Indonesia dan Bangladesh," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, pada Selasa.

Menurut Ka Leng, sekiranya kemasukan pekerja asing ke negara ini dilakukan dalam masa terdekat, industri ternakan ayam akan pulih sekali gus masalah bekalan bahan mentah itu dapat di atasi sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan.

Menerusi mesyuarat kabinet pada Isnin, beberapa langkah digariskan terhadap isu bekalan serta harga ayam termasuk eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan dihentikan bermula 1 Jun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, larangan tersebut dibuat sehingga harga dan pengeluaran ayam dalam negara kembali stabil.

Selain itu, kerajaan akan mewujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan agensi kerajaan yang lain.

Turut digariskan ialah pemansuhan approved permit (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam; mempermudah proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam; serta menambah dan mengiktiraf loji sembelihan ayam di luar negara.

Isu ayam dan harga barang

12 syarikat pengeluar jamin penuhi keperluan tempatan

Komitmen dinyatakan pada sesi libat urus menteri, peserta utama industri

Oleh Rafidah Mat Ruzid,
Fahmy A Rosli dan Balqis
Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 12 syarikat pengeluar utama dan persatuan penternak ayam tempatan, memberi jaminan dan menyatakan komitmen masing-masing untuk terus membekalkan ayam bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataannya, berkata komitmen itu disuarakan mereka ketika sesi libat urus Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Khande dengan peserta utama industri dan persatuan penternak ayam, kelmarin.

Antara syarikat pengeluar utama dan persatuan penternak terbahit termasuk Leong Hup Poultry Farm Sdn Bhd, HLRB Broiler Farm Sdn Bhd, PWF Corporation Bhd, Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) dan Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS).

"MAFI mengambil maklum semua isu yang dibangkitkan termasuk peningkatan kos pengeluaran ayam, masalah kenaikan berat badan ayam, langkitan penyakit, keadaan cuaca dan proses Kebenaran Merancang (KM).

"Ia antara lain menjejaskan operasi dan seterusnya memberikan kesan kepada bekalan ayam," kata kenyataan itu, semalam.

Turut dibincangkan isu berkaitan dengan pemberian subsidi ayam melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kepada penternak.

MAFI berkata, JPV akan mempermudah dan mempercepatkan proses tuntutan subsidi penternak ayam bagi meracikkan aktiviti pengeluaran makanan ke arah meningkatkan pengeluaran domestik.

Kenyataan itu menyebut, MAFI sebelum ini pun sudah mempermudah prosedur permohonan bagi mempercepatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam.

Selain itu, tindakan juga sedang diambil dengan menggerakkan lebih ramai pegawai ke peringkat negeri bagi menyegerakan semakan permohonan.

MAFI berkata, melalui penetapan harga siling ayam standard pada harga RM8.90 setiap kilogram dengan pemberian subsidi berjumlah RM729.43 juta menerusi Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu, yang bertujuan meringankan

Kerajaan juga tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menyorok, menyimpan atau sabotaj terhadap bekalan ayam di pasaran

Ronald Khande,
Menteri Pertanian
dan Industri
Makanan



beban kos pengeluaran ayam yang kian meningkat, namun sekatan ini hanya RM50 juta subsidi yang dituntut dan sudah dibayar.

Justeru, kementerian itu meminta semua penternak yang memenuhi syarat diminta untuk mengemukakan permohonan supaya tuntutan dapat disahurkan dalam tempoh yang ditetapkan.

"MAFI akan terus mengadakan perjumpaan dan libat urus dengan pihak industri yang memainkan peranan penting serta terbahit langsung dalam rantai pengeluaran bekalan ayam bagi memastikan kelangsungan

pengeluaran kekal terjamin.

"Pada masa sama, kerajaan juga tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menyorok, menyimpan atau sabotaj terhadap bekalan ayam di pasaran yang dapat menjayakan kehidupan rakyat.

"MAFI sentiasa memandang serius sebarang perkara yang mengancam sekuriti makanan negara dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norliza Mohd Noor, menjelaskan sebanyak 551 permohonan tuntutan subsidi harga ayam dan telur diterima pihaknya setakat ini, membabitkan nilai bayaran diluluskan sebanyak RM60.71 juta.

Beliau berkata, proses tuntutan dan kecekapan kerja berkaitan tuntutan subsidi harga ayam dan telur akan ditambah baik untuk memastikan kelancaran permohonan, sekali gus mempercepatkan pembayaran dibuat terhadap penternak.

"Permohonan tuntutan subsidi memerlukan verifikasi dokumen termasuk rekod perolehan anak ayam sebagai bukti ada pemeliharaan dan rekod jualan sebagai bukti untuk kami membuat penilaian jumlah pembayaran subsidi yang perlu dibuat," katanya.

Pulau Pinang pertimbang syor tanam jagung di tanah TOL

Bayan Lepas: Kerajaan Pulau Pinang bersedia mempertimbangkan permohonan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) di negeri ini untuk aktiviti penanaman jagung.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow menyambut baik usaha itu dalam membantu meningkatkan bekalan bijirin dalam negara, namun berpendapat penanaman jagung berskala besar tidak sesuai di negeri ini yang mempunyai keluasan tanah terhad.

Katanya, setakat ini hanya penanaman padi dalam skala besar diusahakan di Seberang Perai Utara.

"Buat masa ini, permohonan untuk tanah TOL kebanyakan untuk penanaman buah-buahan dengan tempoh pegangan perlu diperbaharui setiap tahun, kurang sesuai untuk membekalkan hasil bagi jangka panjang.

"Namun, jika ada permohonan untuk tanaman ini (jagung bijirin), pihak berkuasa negeri akan pertimbangkan. Walaupun keluasan tanah di negeri ini kecil, aktiviti pertanian dan penternakan memang digalakkan.

"Keluasan tanah TOL juga cuma sekitar 10,000 kaki persegi dan terdapat plot-plot kecil untuk individu, sekitar 2,000 hingga 5,000 kaki persegi yang kerap dimohon dari semasa ke semasa untuk aktiviti pertanian," katanya.

Beliau yang ditemui pada majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), di sini semalam, mengulas keputusan Kabinet kelmarin supaya kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menyediakan tanah TOL untuk penanaman jagung bagi jangka panjang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dipetik berkata, berkata keputusan itu berdasarkan pandangan Jemaah Menteri berkaitan penanaman jagung untuk menjadi alternatif kepada makanan ayam.

Menurut Kon Yeow, Pulau Pinang antara negeri yang mempunyai tahap kemampuan tinggi untuk berdikari dalam bidang penternakan serta sektor perikanan, termasuk aktiviti penternakan makanan laut dalam sangkar dan sebagainya.

"Hasil laut dari negeri ini yang turut dieksport adalah antara yang terbesar menyumbang kepada sektor ekonomi kita, malah hasil padi juga antara yang tertinggi disumbangkan kepada ekonomi negeri," katanya.

Tiga syor perkukuh sekuriti makanan

Kuala Lumpur: Pakar kajian dasar pertanian dan makanan mengemukakan tiga cadangan kepada kerajaan untuk memperkukuhkan sekuriti serta ekosistem pengeluaran makanan negara dalam mendepani krisis makanan dunia yang dijangka dialami menjelang 2023.

Cadangan utama adalah membabitkan pembangunan 'kapasiti pengeluaran makanan' iaitu memperkukuhkan ekosistem pengeluaran berkenaan daripada semua sudut.

Profesor Datin Paduka Fatimah Mohamed Arshad yang juga Felo Kanan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), berkata ekosistem itu membabitkan institusi berkaitan, teknologi, pengeluaran, pemasaran, hiliran dan pemerikasaan pengeluaran kecil.

Katanya, strategi pembaharuan kerajaan mampu dilaksanakan berlandaskan sistem makanan yang dicadangkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB (FAO) iaitu bermula dengan sektor input, seperti yang sudah dilaksanakan beberapa negara, khususnya Taiwan dan Thailand.

"Dua negara itu sudah membuktikan peluang yang ada dengan memulakan agenda pengeluaran input menggunakan teknologi bio-mass dan bahan buangan, malah ia dicapai melalui teknologi moden dan terbaharu.

"Ini bererti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih pesat dan mengimport teknologi ini dengan cara mengundang pakar luar negara kepada pusat penyelidikan, kolej pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan universiti.

"Malaysia boleh pelajari pengalaman beberapa negara seperti Thailand, Vietnam dan Afrika. Malah, Ethiopia juga sudah mulai maju daripada kelompok negara termiskin dunia kepada negara yang mampu mengeksport kopi, keratan bunga, minyak sayuran, bijirin. Negara ini dibantu teknologi penanaman persis dari Israel, manakala sektor ternakan Thailand dibantu teknologi daripada Holland dan Vietnam serta Israel," katanya kepada BH.

Fatimah berkata, R&D negara dalam makanan perlu diberikan peruntukan besar untuk menajakkan inovasi seperti tanaman yang berhasi tinggi dan berdaya tahan, alat dan mesin dan kilang untuk pekebun kecil.

"Selain R&D dan pengembangan, pemerkasaan pekebun kecil bererti membebaskan mereka da-

ripada cengkaman ahli politik dalam menguruskan persatuan Peladang dan koperasi," katanya.

Cadangan kedua, Fatimah yang juga Felo Kanan Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata peranan penting perlu dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan untuk memperkasakan industri pertanian negara.

"Agensi kerajaan termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) harus menyalurkan dana kepada pendayapayauan petani menerusi pengembangan, teknologi baru, pembangunan koperasi, pertanian persis dan lestari. Dalam situasi yang dihadapi hari ini, mereka tidak lagi boleh menumpukan sahaja usaha mengayakan subsidi di perniagaan masing-masing," katanya.

Isu ayam dan harga barang

MTUC tuntutan maklum balas segera

Persatuan gesa KPDNHEP, kerajaan tangani isu kenaikan harga barang

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan berkumpul dan berarak di Putrajaya jika Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) gagal memberi maklum balas terhadap

hadap memorandum bantahan yang dihantar kongres pada 1 April lalu.

Memorandum itu antara lain menggariskan keperluan kerajaan memantau kenaikan harga barangan dan perkhidmatan serta menggesa pemantauan lebih kerap, berkala serta agresif oleh KPDNHEP bagi menangani isu itu.

Setiausaha Agung MTUC, Kamarul Baharin Mansor, berkata kerajaan perlu terus peka dan komited memastikan kenaikan harga barangan ditangani segera demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

"Kami tidak menghantar memorandum ini semata-mata untuk memburukkan mana-mana pihak tetapi lebih kepada tinda-

kan sewajarnya supaya pengguna, khususnya golongan pekerja tidak terbeban dan terus terhimpit dengan isu kenaikan harga barangan.

"Tindakan berarak dan berkumpul di Putrajaya mungkin menjadi tindakan seterusnya kerana sehingga kini belum ada maklum balas KPDNHEP terhadap memorandum yang kami sampaikan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kamarul Baharin menyuarakan kebimbangan terhadap laporan media mengenai jangkaan harga semua barangan keper-

luan meningkat sehingga 60 peratus bulan depan.

"Lebih teruk lagi, pelaksanaan gaji minimum RM1,500 juga menyumbang kepada kenaikan harga barang susulan peningkatan kuasa beli pengguna.

"Menurut laporan media, rakyat merasa kenaikan harga Ramadan lalu apabila harga barangan keperluan asas melambung tinggi.

"Namun MTUC berpendapat, walaupun penambah gaji minimum RM1,500 menyebabkan kuasa beli meningkat, peniaga tidak boleh menga-

mbil peluang untuk menaikkan harga barang," katanya.

Selain itu Kamarul Baharin mendesak kerajaan menggunakan semua penguat kuasa menteri untuk turun ke lapangan bagi mengambil tindakan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

"MTUC mengesah peniaga yang menyorok, menyimpan barangan dan menghentikan operasi pengeluaran bagi mendesak kerajaan menaikkan harga barangan. Ini tindakan pengkhianatan kepada negara.

"Kenaikan harga barangan kini sudah melangkaui semua sektor keperluan dan isu ini sememangnya mengganggu kesejahteraan rakyat khususnya golongan B40," katanya.



Kamarul Baharin

Singapura pantau situasi import ayam dari Malaysia

Singapura: Singapura memantau rapat situasi import ayam dari Malaysia selain bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan untuk meminimumkan kesan bekalan.

"Sebagai contoh, mereka akan mengaktifkan rantaian bekalan untuk meningkatkan import ayam sejuk daripada sumber alternatif, meningkatkan import ayam sejuk beku daripada pembekal bukan Malaysia sedia ada, atau mengambil daripada stok ayam itik," menurut Singapore Food Agency (SFA) dalam kemas kini di Facebook.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Isnin mengumumkan eksport sehingga 3.6 juta ekor ayam akan dihentikan mulai 1 Jun sehingga harga ayam dan pengeluaran stabil.

Langkah itu sebagai langkah jangka pendek terhadap isu bekalan serta harga ayam.

"Walaupun mungkin berlaku gangguan sementara pada bekalan ayam sejuk, pilihan ayam sejuk beku masih ada untuk mengatasi kekurangan.

"Kami amat menggalakkan pengguna memainkan peranan mereka dengan bersikap terbuka untuk menukar pilihan - seperti lebih memilih ayam sejuk beku - serta sumber produk daging yang lain. Kami juga menasihati pengguna membeli mengikut keperluan," menurut SFA.

SFA memaklumkan kira-kira 34 peratus daripada import ayam Singapura pada 2021 adalah dari Malaysia.

BERNAMA

PPANS harap pandangan dipertimbang

Kuala Lumpur: Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS) berharap pandangan penternak skala kecil dan sederhana turut dilibatkan dalam usaha menjayakan lima langkah jangka pendek diambil kerajaan untuk menangani isu bekalan dan harga ayam.

Pengerusi PPANS, Idrus Zainal Abidin, berkata pihaknya akan menyokong langkah diambil demi kelangsungan industri tempatan dan memastikan bekalan ayam tidak terganggu dan harga lebih baik.

Susulan itu, beliau mencadangkan supaya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) turut segera dilibatkan untuk memainkan peranan dengan menjadi sebagai integrator dalam ternakan ayam.

"Ini kerana kebanyakan penternak di negara ini berskala sederhana dan kecil, bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator.

"Ketika ini, beberapa syarikat memonopoli industri ini sebagai integrator dan ini mencetuskan kemungkinan monopoli berlaku seterusnya meningkatkan harga ayam di pasaran.

"Apabila kerajaan gunakan GLC seperti FELDA dan FELCRA sebagai integrator untuk membina ladang ayam berskala besar, maka harga ternakan lebih mudah dikawal," katanya kepada BH.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan lima langkah jangka pendek diambil kerajaan bagi menangani peningkatan harga dan bekalan ayam yang sedang melanda negara.

Lima langkah itu termasuk pemberhentian eksport 3.6 juta



Pekerja ladang ayam, Mohd Hamizan Zakari memeriksa sebahagian ayam yang ditenak di Kampung Pelam, Telomang, Hulu Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kod/BH)

ayam sebulan bermula 1 Jun, pemansuhan keperluan permit import (AP), inpermerudahkan tuntutan subsidi penternak, mewujudkan stok penimbun ayam dengan menggunakan fasiliti sedia ada serta menambah pengiktirafan loji sembelihan di luar negara.

Mengulas mengenai langkah syarikat besar pengeluaran ayam yang menolak subsidi, Idrus berkata, pemberian subsidi itu hanya sekali bayar, berbanding kemudahan pinjaman.

"Pinjaman mudah diperlukan untuk industri terus bergerak kerana penternak kini menghadapi masalah kenaikan harga bagi pengeluaran membabitkan kos makanan dan bahan api.

"Kos makanan ternakan dan bahan api ini isu global bukan hanya di Malaysia," katanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan

pernah mengumumkan usaha membawa masuk ayam import dari China dan Thailand bagi mengatasi masalah bekalan, namun usaha itu seperti tidak berhasil.

"Ini kerana harga ayam import juga mahal kerana peningkatan kos harga bahan makanan ternakan, China dan Thailand juga berhadapan harga bahan makanan ternak yang tinggi," katanya.

Beliau menjelaskan, penternak kecil juga kini berhadapan pelbagai kos dikenakan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa tempatan.

"Pelbagai cukai dikenakan kepada kami dan ini menekan penternak. Justeru, adalah sukar kita hendak menurunkan harga ayam ini lebih lagi di bawah harga RM10 sekilogram," katanya.

“Ini kerana kebanyakan penternak di negara ini berskala sederhana dan kecil, bergantung kepada bekalan anak ayam serta makanan yang dibekalkan integrator”



Idrus Zainal Abidin, Pengerusi PPANS

Isu ayam dan harga barang



Bekalan ikan dan hidupan laut berkurangan di pasar basah Pandan, Johor, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Harga ikan di Johor Bahru, Kota Bharu naik 50 peratus

Kekurangan bekalan punca kenaikan harga di dua negeri

Oleh Mohamed Farid Noh dan
Hidayatidayu Kazali
bhnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Kekurangan bekalan menyebabkan harga ikan di Johor Bahru dan Kota Bharu naik antara 40 hingga 50 peratus di Johor Bahru dan Kota Bharu.

Di Johor Bahru, bekalan ikan yang didakwa berkurangan sebanyak 50 peratus di pasar sekitar bandar raya itu, menyebabkan harganya naik sehingga 40 peratus.

Tinjauan di pasar basah dekat Pandan, mendapati ikan dan hasil hidupan laut yang dijual peniaga tidak sebanyak sebelum ini.

Malah beberapa lot niaga yang menjual ikan dan hasil hidupan laut turut ditutup berbanding sebelum ini.

Penjual ikan dan hasil hidupan laut yang mahu dikenali sebagai Ong, mendakwa bekalan ikan dan hidupan laut berkurangan 50 peratus, berbanding sebelum ini menyebabkan harganya meningkat.

Katanya, antara ikan pilihan ramai yang mengalami masalah bekalan termasuk kembung, cencaru dan selar kuning atau lolong yang kebanyakannya diperoleh dari pembekal dari Perak dan Kedah, manakala sotong menga-

tan musim sotong di Mersing ketika ini.

"Sekarang ini kembung susah nak dapat walaupun orang ramai cari. Minggu lalu, kembung masih ada dan dijual di antara RM19 hingga RM20 sekilogram (kg) berbanding sebelum ini hanya RM14 hingga RM16 sekilogram.

"Ikan selang pula sekarang RM15.50 sekilogram berbanding sebelumnya hanya RM11, manakala cencaru naik kepada RM11, berbanding hanya antara RM8 hingga RM9 sekilogram sebelum ini.

"Hampir semua ikan yang terjejas ini bekalnya diperolehi dari negeri di utara terutama Perak dan Kedah. Bekalan ikan dari Mersing di sini, pula membabitkan ikan besar yang memang mahal harganya.

"Bekalan ikan yang kurang menyebabkan harganya meningkat. Pembekal memaklumkan bekalan ikan tidak banyak kerana faktor cuaca, selain kos pengangkutan yang semakin mahal.

"Pembekal memaklumkan harga ikan akan kembali stabil jika bekalnya pulih nanti," katanya ketika ditemui.

Ahad lalu, pendaratan ikan terutama di utara Semenanjung dilaporkan berkurangan sehingga 70 peratus iaitu daripada lebih sejuta tan kepada hanya kira-kira 300,000 tan sebulan, berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul

Hamid Bahari, dilaporkan berkata, kekurangan bekalan itu menyebabkan harga ikan di pasaran turut meningkat.

Dalam pada itu, pengguna ditemui memilih untuk membeli ikan walaupun peningkatan harga berlaku berikutan harga ayam yang melonjak naik.

Pengguna, Nor Azizah Ahmad, 51, berkata kenaikan harga ikan dan hidupan laut, walaupun membekankan namun masih munasabah berbanding ayam.

"Harga ikan termasuk kembung, selar kuning dan cencaru memang naik, namun saya pilih beli ikan yang murah berikutan harganya masih dapat ditawarkan apatah lagi harganya juga bergantung pada saiz ikan," katanya.

Di Kota Bharu, harga beberapa jenis ikan di Kelantan meningkat 20 peratus, susulan kekurangan bekalan di pasaran sejak seminggu lalu.

Harga ikan termasuk kembung dijual di antara RM12 hingga RM14 sekilogram bagi saiz sederhana, manakala selang RM14 hingga RM16 sekilogram dan cencaru RM10 hingga RM12 sekilogram.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bander (RTC) Tunjong, di sini, mendapati harga ikan yang dijual secara borong di pasar itu juga naik sebanyak 20 peratus.

Pemborong, Mohd Adam Tarmizi, 35, mengakui harga ikan yang dijual secara borong naik sebanyak 20 peratus sejak seminggu lalu kerana kekurangan bekalan.

Peniaga masih kekurangan bekalan ayam

Kuala Lumpur: Kekurangan bekalan ayam masih berterusan walaupun ada dakwaan mengatakan ia kembali stabil. Tinjauan di beberapa pasar utama di ibu kota mendapati peniaga masih dibelenggu kekurangan bekalan sehingga mengganggu operasi perniagaan.

Peniaga pasar Chow Kit, Shahrul Mohd Saman, berkata, hanya 50 ayam diperoleh daripada pembekal semalam, berbanding 200 sebelum ini.

Katanya, keadaan ini berlarutan beberapa minggu lalu, namun lebih kritikal sejak beberapa hari lalu.

"Bekalan ayam terhad kerana berkurangan lebih 50 peratus daripada tempahan dibuat kepada pembekal.

"Pembekal memaklumkan ayam dari ladang juga terhad kerana tidak cukup besar dan ada yang terkena penyakit," katanya.

Bellau berkata, bekalan ayam terhad itu hanya mampu menampung sebahagian permintaan pelanggan pukal seperti restoran dan peniaga makanan.

Nada sama turut disuarakan Rosman Gunawan yang menyifatkan ini krisis bekalan paling kritikal sejak 10 tahun beliau menjalankan perniagaan itu.

"Ayam diperoleh daripada pengilang juga sudah naik harga dan margin kami peroleh sekitar 50 sen hingga RM1 untuk setiap kilogram.

"Kami tersepit jika terus jual pada harga siling kerana ayam dijual pembekal juga melebihi paras itu.

"Peniaga juga tersepit kerana perlu menanggung kos pekerja dan stor sejuk beku se-

dangkan hasil diperoleh sangat terhad," katanya.

Kerajaan kelmarin memutuskan eksport 3.6 juta ayam sebulan dihentikan mulai 1 Jun sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil dengan keutamaan terhadap bekalan rakyat negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan berkata, ketetapan itu antara beberapa langkah jangka pendek diputuskan mesyuarat Kabinet bagi menangani masalah bekalan serta harga ayam ketika ini.

Sementara itu, di Johor Bahru, bekalan ayam segar di bandar raya lagi terjejas dengan peniaga dan pengguna terus buntu berikutan kekurangan kritikal bahan mentah itu.

Tinjauan di pasar basah di Pandan dan Tampoi, di sini, mendapati hampir semua lot niaga menjual ayam segar habis stok bahan mentah itu, selain kebanyakan peniaga dilihat mengemas lot niaga masing-masing.

Meja jualan dilihat kosong dan hanya ada beberapa ekor ayam tua, selain bahagian ayam sejuk beku termasuk kepak, paha dan leher, yang dijual.

Peniaga dikenali sebagai Azman, 42, berkata isu kekurangan ayam segar sudah berlanjutan sejak Ramadan lalu dan tiada tanda untuk pulih dalam masa terdekat.

Katanya, sebelum masalah kekurangan bekalan ayam segar berlaku, setiap peniaga di pasar basah mampu memperoleh antara 700 hingga 1,000 ekor ayam segar sehari daripada pembekal.



Peniaga menjual ayam tua dan ayam kampung selepas bekalan diterima kurang ketika tinjauan di Pasar Chow Kit, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)



MUHAMAD SHAFIQ bersama bapanya, **Md. Gharip** di kebun pisang tanduk yang diusahakan mereka di Kampung Punggal, Kota Tinggi kelmarin.

Berhenti jurutera, jadi pekebun pisang, durian

KOTA TINGGI – Keputusan seorang pemuda yang sanggup meninggalkan kerjaya sebagai jurutera di ibu kota dan pulang berbakti kepada tanah di kampung ternyata berbaloi.

Muhamad Shafiq Md. Gharip, 31, berkata, keputusan meninggalkan kerjayanya itu juga diambil bertujuan menjaga orang tuanya di kampung Felda Semenchu di sini.

Katanya, meskipun mampu meraih pendapatan sehingga lima angka, dia tidak menyesal dengan keputusan itu kerana kini gembira mengusahakan tanaman pisang tanduk.

"Kebun seluas 0.8 hektar ini saya tanam dengan 2,600 pokok pisang tanduk. Bermódaikanduit simpanan RM10,000, saya laburkan untuk beli anak benih pisang dan lain-lain keperluan kebun.

"Saya juga tanam 80 pokok durian duri hitam dan musang king. Semuanya saya usahakan bersama ayah dari awal sehinggalah kini pokok pisang kami sudah mengeluarkan hasil dan

sudah boleh dijual," katanya di kebunnya di Kampung Punggal di sini kelmarin.

Dia yang juga Ketua Peladang Muda Kampung Baru Wawasan berkata, selain menjual pisang ke pasaran sedia ada, pisang tanduk diusahakan juga dijadikan produk kerepek pisang yang diproses di rumah keluarganya.

Katanya, kerepek pisang dihasilkan juga berjaya mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan yang datang dari pelbagai kawasan.

"Hasil yang dicapai hari ini membangkitkan semangat saya lagi untuk memperluaskan lagi tanaman sedia ada. Saya juga merancang untuk menanam lebih banyak pokok durian dan mahu menjadikan ia sebagai produk agrotourism di daerah ini.

"Kebun pisang kami juga dalam proses untuk mendapatkan kelulusan sijil amalan pertanian baik Malaysia (myGAP) daripada Jabatan Pertanian," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	24

Dron multifungsi sektor pertanian

Dron itu mempunyai tangki berkapasiti 30 liter dengan kelajuan semburan air maksimum 10 liter per minit

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

PEKAN

Kumpulan penyelidik dari Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT) Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan dron multifungsi menggunakan kepakaran tempatan bagi memperluaskan inovasi dan penggunaan teknologi baharu dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

Ketua Penyelidik, Ir Dr Noor Zaiyah Jamal berkata, dron yang disesuaikan untuk sektor pertanian itu mempunyai tangki berkapasiti 30 liter dengan kelajuan semburan air maksimum 10 liter per minit.

Menurutnya, kecekapan semburan melalui dron itu mampu mencapai kawasan seluas 0.4 ekar per minit.

"Alat ini dapat dikawal pada jarak jauh dengan ketinggian 30 meter, manakala kelajuan maksi-



Abdul Aziz (dua dari kanan) meninjau proses ujilari dron multifungsi teknologi baharu sektor pertanian yang dihasilkan penyelidik UMP di kawasan sawah padi Kampung Serandu pada Sabtu lalu.

um 10 meter per saat.

"Bagi kawalan penerbangan, ia menggunakan alat kawalan dan pengesan GPS," katanya.

Beliau yang juga pensyarah di Kolej Kejuruteraan berkata, dron multifungsi itu menggunakan bateri dengan kapasiti 4,000 mAh dan kelajuan motor 5,000 rpm.

Sesi ujilari dron yang dinamakan Rajawali itu diadakan di kawasan sawah padi sekitar Kampung Serandu di sini, Sabtu lalu.

Ujilari itu dilakukan bagi melihat teknologi dron multifungsi itu berfungsi untuk aktiviti pe-

nyemburan baja dan racun untuk dalam aktiviti pertanian.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman dan Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan, Profesor Dr Mohd Hasbi Ab Rahim.

Bagi Ketua Kampung Serandu, Mohd Khairuddin Zakaria, 56, pemilihan Kampung Serandu untuk ujilari dron hasil para penyelidik UMP itu diharap dapat membantu membawa jelapang padi Kampung Serandu lebih ke hadapan, selain meningkatkan ekonomi penduduk.

Lagi langgar protokol halal

Oleh MAISARAH SHEKH RAHIM
maisarah.rahim@medianmuka.com.my

PUTRAJAYA: Tiga lagi rumah sembelihan di Queensland, Australia dikesan melanggar protokol halal sembelihan Supreme Islamic Council of Halal Meat in

Australia Inc. (SICMA).

Penemuan itu disahkan oleh seorang wakil organisasi halal antarabangsa di Filipina yang mahu dikenali sebagai Amin semasa membuat pemeriksaan mengejut di ketiga-tiga rumah sembelihan tersebut.

Rumah sembelihan terbabit turut mendapat pengiktirafan halal badan-badan persijilan halal di negara Asia Tenggara lain.

SICMA pula adalah badan pensijilan halal yang bertanggungjawab dalam penyeliaan halal Australia.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Amin mendakwa dua daripadanya tidak mematuhi syarat sah penyembelihan apabila tidak ada penyembelih beragama Islam melakukan prosedur itu.

Bersambung di muka 2



Warung kopi basikal

ONG POH SIANG, 47, membuat kopi di laluan basikal berhampiran landasan keretapi berdekatan Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur. Pemilik KapiHappys ini adalah seorang bekas jurufoto yang berniaga lapan jenis kopi secara kecil-kecilan setiap hujung minggu. Mula berniaga menggunakan basikal sejak Ogos 2019 di laluan Genting Peras dan kemudian berpindah ke lokasi ini sejak tahun lalu. -UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Status
tiga rumah
sembelihan
di Australia
diragui

Kejatuhan ringgit jejas PKS, berdepan kenaikan kos

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
farahin.hussin@medianmuka.com.my

PETALING JAYA: Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menanggung impak besar di sebalik kejatuhan ringgit berikutan terpaksa berdepan peningkatan kos dalam bahan mentah dan barangan separuh siap yang diimport.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia (Sarnenta) Pusat, Datuk William Ng berkata, kebanyakan PKS yang perlu mengimport barangan bagi menghasilkan produk akhir kepada pengguna terbeban kerana terpaksa meningkatkan kos operasi.

Tambahan pula katanya, selepas penularan Covid-19 dua tahun lalu, PKS beroperasi dengan margin yang sangat ketat, mengakibatkan pelarasan harga tidak dapat dielakkan.

"Keadaan ini turut memberi tekanan kepada pengguna yang perlu membayar lebih disebabkan keadaan ringgit yang lemah. "Sebabnya kami terpaksa menaikkan harga kerana harga bahan mentah yang diimport meningkat sejak kebelakangan ini," katanya.

Pada 19 Mei, ringgit mencatatkan prestasi terendah berbanding dolar Amerika Syarikat dalam hampir dua tahun pada kadar 4.4023, Berbanding 4.1030 pada awal Mei 2021.

Bersambung di muka 3

Minda
Pengarang

MEOR HARMAN MEOR SHAKRI

Ekopelancongan:
Di mana kita?

SETIAP tahun tapak arkeologi tamadun Inca, Machu Picchu di Peru dikunjungi kira-kira 1.5 juta pelancong dari seluruh dunia dengan purata 2,500 orang setiap hari, semata-mata mahu menyaksikan kota purba yang hanya tinggal kesan runtuhannya di kawasan pergunungan Andes.

Dengan harga tiket AS\$20 dolar atau kira-kira RM88 sekepala, Machu Picchu mampu menjana AS\$6 juta atau RM24 juta setahun untuk Peru manakala pakej laluan denai ke tapak bersejarah itu pula menyumbang AS\$3 juta atau RM12 juta.

Dengan pendapatan besar berasaskan satu sumber sahaja, nilai RM24 juta itu mampu untuk menampung penajaan geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) setahun bagi meningkatkan ekonomi dan mencipta kekayaan negara melalui bidang sains dan teknologi.

Begitu juga banjaran Himalaya di Nepal mengundangi 1.2 juta pelancong setiap tahun dan mampu menjana AS\$700 juta (RM2.8 bilion) kepada negara paling miskin di Asia itu dan caj permit mendaki gunung Everest sahaja meraih pendapatan RM16 juta untuk ekonomi Nepal.

Malaysia perlu mempunyai pemikiran ke depan dengan mengeksplorasi sumber alam semula jadi dan peninggalan sejarah di negara ini untuk menjana pendapatan negara. Banyak kelebihan dalam negara ini yang belum dimaksimum sepenuhnya, malah terbiar begitu lama.

Sungai-sungai, gunung-ganang, warisan budaya berbilang masyarakat dalam setiap negeri perlu membuka mata kerajaan yang memerintah. Selepas dua tahun dibelenggu masalah ekonomi akibat Covid-19, pemulihan perlu pantas dengan meneroka sumber-sumber alam.

Penerokaan sektor pelancongan baharu akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi setempat berasaskan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam kalangan rakyat terutama yang menetap di kawasan-kawasan terpencil dan luar bandar tetapi kaya dengan khazanah alam.

Falsafah tarikan alam semula jadi sering menjadi asas pelancongan. Di China, sebanyak 145 juta pelancong masuk ke negara itu pada 2019 untuk melihat Tembok Besar China atau melayari bot menyelusuri sungai-sungai di Guilin sambil menikmati aktiviti harian penduduknya.

Statistik antarabangsa pada 2018 menunjukkan China mencatat kemasukan pelancong paling ramai iaitu 62.9 juta diikuti Thailand 38.2 juta, Jepun 31.2 juta dan Malaysia di tempat keempat 25.8 juta. Jika Malaysia mahu menjadi destinasi paling popular, maka banyak perlu dilakukan.

Sebab itu pelancongan di China mencatat perolehan Y6.63 trilion pada 2019, peningkatan sebanyak 11.1 peratus. Jumlah yang sangat besar untuk menjana perkembangan ekonominya dalam pelbagai bidang lain termasuk pengeluaran hasil pertanian dan barang makanan.

Pelan ekopelancongan kebangsaan 2016 - 2025 tampak komprehensif, tetapi sejauhmana kejayaan pelaksanaannya belum diaudit, namun secara mata kasar banyak lagi kawasan pelancongan eko yang belum diteroka atau dibangunkan. Yang diberi perhatian isi lama.

Pencapaian banyak negara lain kalau dibuat perbandingan perlu membuka mata semua pihak terutamanya kerajaan-kerajaan negeri.

Dengan banyak kelonggaran yang dinikmati sekarang, sewajarnya sebuah pelan tindakan yang lebih agresif wajar dilaksanakan dalam mempercepatkan lagi proses pemulihan ekonomi negara khususnya dalam sektor pelancongan.

Kadang-kala terfikir juga, kalau bukan khazanah alam semula jadi tanpa kita sedar atau sebaliknya, Malaysia juga kaya dengan sumber warisan lama, bangunan dan peninggalan sejarah tanah air yang setiapnya memiliki tarikan tersendiri.

Meor Harman Meor Shakri ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia.

Lagi langgar protokol halal

Dari muka 1

Lebih mengejutkan, kata beliau, haiwan-haiwan di situ 'digemukkan' dengan menyumbat paip air ke dalam mulut demi menaikkan berat badan sebelum haiwan itu mati dan terus dipotong bahagian badannya.

"Pada mulanya kami tidak meragui rumah-rumah sembelihan yang mendapat pengiktirafan SICHMA. Namun, tindakan dan cara rumah sembelihan ini melakukan proses penyembelihan tidak boleh diterima.

"Kami lihat sendiri ketika membuat penantauan di sana yang pada mulanya mereka enggan membenarkan kami masuk. Dan atas sebab itu kami tidak mengiktiraf rumah sembelihan tersebut termasuk semua rumah sembelihan di Australia," katanya semalam.

Justeru, Amin tidak terkejut dengan apa yang didedahkan Utusan Malaysia berhubung prosedur penyembelihan di Thomas Food Industries (TFI), iaitu salah satu rumah sembelihan di Australia tidak mematuhi protokol halal dan menjijikkan.

Menerusi bukti rakaman video dan pengakuan saksi, haiwan-haiwan dilemaskan dalam takungan darah bina-tang yang disembelih terdahulu menyebabkan haiwan itu mati akibat lemas dan bukannya kerana disembelih sebagaimana syarat yang diperlukan dalam keperluan penyembelihan halal.

Pusat penyembelihan di Lobethal, Selatan Australia itu mengeksport kambing ke Ma-



SEJAK 14 April lalu, akhbar ini mendedahkan berhubung status halal rumah penyembelihan haiwan di Australia yang diragui apabila prosedur penyembelihan tidak mengikut syariat Islam.

laysia dan Singapura yang ada dalam senarai diiktiraf kerajaan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Susulan itu, Jakim dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memutuskan untuk menggantung lesen loji sembelihan TFI itu sehingga satu hasil siasatan menyeluruh diperoleh, namun SICHMA hanya diarahkan memberikan surat tunjuk sebab tanpa mengambil tindakan tegas menarik balik pengiktirafan mereka.

Justeru, katanya, sudah tiba masanya Jakim menilai semula pengiktirafan yang diberikan terhadap SICHMA kerana kredibiliti mereka boleh dipersoalkan dalam membuat penilaian halal terhadap mana-mana rumah sembelihan di Australia.

Katanya, bukan sahaja tidak mementingkan soal pekerja muslim dalam melakukan kerja penyembelihan, malah cara pengendalian terhadap haiwan juga disifatkan kejam dan tidak boleh diterima akal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	13



4 kru Myanmar ditahan

Kerja atas dua bot nelayan tempatan tanpa dokumen sah

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

Lumut

Empat kru warga Myanmar tanpa dokumen yang bekerja di atas dua bot nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak di perairan Kuala Trong dan Pantai Remis di sini.

Dua bot itu ditahan di kedudukan 7.0 batu nautika barat daya Sungai Belukang dan 7.5 batu nautika Pulau Pasir Hitam pada Ahad dan kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Mohd Hambali Ya'akup berkata, empat kru warga asing berusia antara 40 hingga 55 ditahan selepas didapati tidak mempunyai dokumen pengenalan.

"Pemeriksaan bot pertama pada jam 9.40 pagi Sabtu lalu

mendapati bot itu dikendalikan tiga kru warga Myanmar tanpa dokumen pengenalan diri sedang melakukan aktiviti perikanan di bawah lapan batu nautika yang tidak mematuhi kebenaran syarat sah lesen.

"Sementara itu, sebuah lagi bot pukat tunda tempatan ditahan di perairan Pantai Remis juga melakukan aktiviti penangkapan ikan yang mana tekong bot warga Myanmar tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Beliau berkata, empat warga asing itu disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (b) dan Akta Imigresen 1959/63.

Katanya, bot bersama empat kru warga asing dan kira-kira 130 kilogram hasil tangkapan pelbagai jenis ikan itu diiring ke jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Sitiawan untuk tindakan lanjut.



4 kru Myanmar ditahan

*Kerja atas dua bot nelayan
tempatan tanpa dokumen sah*

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

Lumut

Empat kru warga Myanmar tanpa dokumen yang bekerja di atas dua bot nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perak di perairan Kuala Trong dan Pantai Remis di sini.

Dua bot itu ditahan di kedudukan 7.0 batu nautika barat daya Sungai Belukang dan 7.5 batu nautika Pulau Pasir Hitam pada Ahad dan kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Mohd Hambali Ya'akup berkata, empat kru warga asing berusia antara 40 hingga 55 ditahan selepas didapati tidak mempunyai dokumen pengenalan.

"Pemeriksaan bot pertama pada jam 9.40 pagi Sabtu lalu

mendapati bot itu dikendalikan tiga kru warga Myanmar tanpa dokumen pengenalan diri sedang melakukan aktiviti perikanan di bawah lapan batu nautika yang tidak mematuhi kebenaran syarat sah lesen.

"Sementara itu, sebuah lagi bot pukat tunda tempatan ditahan di perairan Pantai Remis juga melakukan aktiviti penangkapan ikan yang mana tekong bot warga Myanmar tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Beliau berkata, empat warga asing itu disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (b) dan Akta Imigresen 1959/63.

Katanya, bot bersama empat kru warga asing dan kira-kira 130 kilogram hasil tangkapan pelbagai jenis ikan itu diiring ke jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Sitiawan untuk tindakan lanjut.



NELAYAN dari Vietnam yang ditahan pihak berkuasa dalam Op Pagar Laut kerana menangkap ikan secara haram di perairan negara.

OP PAGAR LAUT

Rekod rampasan bernilai **RM22.9j**

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Putrajaya

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menumpaskan pelbagai kegiatan jenayah rentas sempadan dengan rampasan bernilai RM22.9 juta menerusi Op Pagar Laut.

Operasi khas yang dilancarkan sejak 19 April lalu sempena musim perayaan itu memfokuskan kes penyeludupan pendatang asing tanpa izin (Pati), kontraband serta barangan kawalan di sempadan perairan negara.

Ketua Pengarah Maritim Malaysia Laksamana Mari-



Kes pencerobohan perairan oleh bot nelayan asing merekodkan penahanan 15 bot nelayan asing serta 160 kru warga Vietnam"

Mohd Zubil

tim Datuk Mohd Zubil Mat Som berkata, sebanyak 63 kes tangkapan direkodkan membabitkan pelbagai kesalahan.

"Sebanyak 48 Pati dari Indonesia, Vietnam, Kemboja, Myanmar, Filipina, dan Thailand yang cuba masuk dan keluar secara haram

melalui perairan.

"Kes pencerobohan perairan oleh bot nelayan asing merekodkan penahanan 15 bot nelayan asing serta 160 kru warga Vietnam," katanya ketika ditemui pada majlis Rumah Terbuka Maritim Malaysia di sini, semalam.

Mohd Zubil berkata, kes berkaitan aktiviti jenayah kontraband dan penyeludupan barang kawalan pula merekodkan 13 kes membabitkan empat kes penyeludupan rokok di perairan Semporna, Sabah.

"Dua kes daun ketum seberat 2.18 tan di perairan Perlis dan masing-masing satu kes penyeludupan minyak masak, petrol, dadah, mercun dan tong gas dengan nilai rampasan sebanyak RM448,860.

"Selain itu, APMM turut melakukan 23 kes tangkapan pelbagai kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985, membabitkan sembilan kes bot nelayan tempatan," katanya.

Menurutnya, pihaknya akan mempertingkatkan operasi bagi mengekang dan memerangi aktiviti jenayah rentas sempadan di perairan negara supaya keselamatan dan kesejahteraan perairan negara terus terpelihara.

"Sebarang maklumat jenayah maritim boleh disalurkan kepada Pusat Operasi Maritim (Pomar) di talian 03-89434001 atau mana-mana Pusat Operasi Maritim (Pusop) yang berhampiran di setiap APMM negeri seluruh negara," katanya.

Hasil merudum kerana bubu naga

PENGUNAAN bubu naga yang dikatakan berasal dari negara jiran banyak digunakan sekitar Kedah dan Pulau Pinang.

Bubu dipasang dan dibiarkan di dasar laut bukan sahaja menyebabkan ekosistem laut terancam, malah pendapatan nelayan turut terjejas.

Biar pun penggunaannya telah diharamkan, namun masih ada yang tidak mengendahkan larangan tersebut.

Menurut nelayan, jika dahulu mereka boleh mendapat pendapatan bulanan RM2,000 hingga RM5,000 tetapi kini merudum sehingga RM600.

Menurut Apa Khabar Rakyat minggu ini, wartawan **SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA** menyelami luhan nelayan yang berharap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap isu berkenaan.



Azhar (kanan) dan Abd Manaf melihat keadaan pukat yang digunakan untuk menangkap ikan.



Anggota Penguatkuasaan Maritim Malaysia memeriksa bubu naga yang dipasang di dasar laut oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Penggunaan bubu naga yang tidak berkusudahan mengancam ekosistem laut khususnya benih ikan dan hidupan marin, sekali gus menjejaskan pendapatan nelayan.

Nelayan mendakwa, bubu naga yang dipasang dan dibiarkan di dasar laut sepanjang masa membolehkan pelbagai jenis hasil laut termasuk ikan, udang dan ketam tersangkut pada alatan tersebut.

Salah seorang nelayan, Azhar Sudin, 56, bagaimanapun berkata, tindakan itu turut memberi kesan terhadap ikan kecil dan benih ikan yang tidak sepatutnya ditangkap apabila ia turut terperangkap.

"Bagaimana mahu mengatasi masalah ini sebab alatan ini mudah dibeli di mana-mana kedai.

Mereka pasang di dasar laut dan tinggal, setiap tiga atau empat jam, mereka kutip hasil, bubu naga akan terus dibiarkan untuk hasil seterusnya," katanya.

Menurutnya, biarpun alatan itu telah dilarang penggunaannya, namun masih ada yang menggunakan disebabkan hasil pendapatan boleh mencecah empat hingga lima angka sebulan.

"Disebabkan mahu keuntungan berganda, terdapat nelayan sanggup menukar alatan menangkap ikan kepada bubu naga walaupun mengetahui berdepan tindakan undang-undang," jelasnya.



ROSHIDI

Bagi Roshidi Jaafar, 62, yang sudah berpengalaman selama 40 tahun sebagai nelayan berkata, disebabkan penggunaan bubu naga semakin mendapat perhatian, ia memberi kesan terhadap pendapatan nelayan seperti ini.

"Mereka guna bubu naga supaya boleh mengaut hasil sampai tiga kali sehari. Tidak kira siang atau malam, mereka sudah berani turun untuk kutip hasil tanpa berselindung. Ini menyebabkan hasil kami berkurang.

"Bila ikan kurang, hasil pun kurang, pendapatan kami terjejas teruk. Dulu boleh dapat RM2,000 hingga RM5,000 sebulan tetapi setelah dikaut oleh mereka yang

menggunakan bubu naga, nak dapat RM600 sebulan pun susah.

"Kalau guna bubu naga, mereka boleh capai hasil sekurang-kurangnya RM10,000 sebulan," ujarnya.

Seorang lagi nelayan, Abd Manaf Ismail, 55, berkata, pernah berlaku kekecohan akibat ketidakpuasan hati terhadap individu yang menggunakan bubu naga.

Menurutnya, ia disebabkan pukat milik nelayan rosak sehingga mendatangkan kerugian.

"Dulu, ada nelayan tidak puas hati sehingga membakar peralatan nelayan kerana marah mereka guna bubu naga," katanya.

Abd Manaf turut berharap pihak berkuasa melakukan pengawasan lebih ketat agar individu yang melakukan kesalahan dikenakan tindakan sewajarnya.

Masih ada sesetengah pihak guna peralatan dilarang itu untuk kaut keuntungan berganda

SUNGAI PETANI



Bubu naga yang dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berikutan penggunaan alatan tersebut sudah diharamkan di negara ini.

Hasil tangkapan guna bubu naga tidak dibenarkan dijual

SUNGAI PETANI - Tindakan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Muda yang tidak membenarkan hasil tangkapan bubu naga diurus niaga di jeti mereka membolehkan masalah tersebut terkawal.

Pengerusi PNK Kuala Muda, Mohamad Kamal Abidin berkata, penggunaan bubu naga yang dikatakan berasal dari negara jiran semakin banyak digunakan sekitar Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 2018 dan 2019.

Beliau yang juga seorang nelayan berkata, penggunaan alatan itu yang sudah diharamkan berikutan kemusnahan benih ikan dan mengganggu ekosistem marin, malah sama sekali tidak dipersetujui persatuan dan ahli PNK Kuala Muda.

"Kita telah menerima banyak laporan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim



MOHAMAD KAMAL

Malaysia (Maritim Malaysia) juga telah bertindak merampas peralatan itu di laut.

"Keputusan juga dicapai hasil perbincangan di mana PNK Kuala Muda tidak membenarkan nelayan yang menggunakan bubu naga mendarat di Jeti Pendaratan Ikan Pasir Bisik bagi tujuan urus niaga berkuatkuasa pada tahun 2020.

"Kita menasihatkan agar nelayan yang menggunakan bubu naga tidak mendarat di sini. Persatuan akan mengarbit tindakan sewajarnya jika ada yang ingkar," jelasnya.

Mohamad Kamal berkata, penggunaan bubu naga menyebabkan nelayan mendapat hasil tangkapan pelbagai spesies antaranya udang, sotong, ikan dan benih yang masih kecil.

"Cara untuk mengenal nelayan yang menggunakan bubu naga mudah sahaja,

biarpun peralatan ditinggalkan di dasar laut tapi hasil yang diperolehi bercampur-campur termasuk ikan kecil dan besar.

"Hasil tangkapan juga selalunya lebih banyak, kira-kira tiga atau empat kali ganda berbanding biasa menyebabkan pendapatan mereka juga tinggi.

Dalam perkembangan sama, beliau mencadangkan satu pos kawalan laut dibina sebagai lokasi pemantauan dan membanteras kegiatan jenayah maritim di perairan negara.

Menurutnya, dengan adanya penempatan anggota penguat kuasa di pos kawalan tersebut sedikit sebanyak mampu mencegah kegiatan pencerobohan, kecurian hasil laut serta aktiviti larangan di laut.

"Sebelum ini, cadangan itu pernah disuarakan, namun, tiada perkembangan lanjut berhubung perkara tersebut setakat ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2022	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1




LARANGAN EKSPORT AYAM HANYA SEMENTARA

LARANGAN eksport 3.6 juta ekor ayam sebulan ke negara luar adalah bersifat sementara dan akan dinilai semula selepas bekalan ayam dalam negara kembali stabil.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee berkata, larangan eksport itu perlu dilakukan bagi memastikan bekalan ayam dapat distabilkan segera dan kerajaan akan terus melakukan pemantauan.

"Keperluan bekalan ayam dalam negara adalah lebih kurang 1.8 hingga 2 juta sehari. Jadi sekat eksport merupakan langkah sementara yang akan dikaji sebaik sahaja bekalan ayam negara kembali stabil," katanya.

5



- Ketika krisis bekalan ayam yang belum menunjukkan tanda-tanda akan pulih, pengguna terpaksa berhadapan pula dengan isu harga ikan apabila mencatatkan kenaikan antara RM1 hingga RM6 (mengikut jenis ikan) bagi setiap kilogram.
- Tinjauan yang dilakukan di Selangor, Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor pada Selasa mendapati, rata-rata peniaga mengakui terpaksa menaikkan harga jualan bagi mengelakkan kerugian kerana harga yang diperolehi daripada pemborong sudah mengalami kenaikan.
- Kenaikan harga ikan turut didorong oleh permintaan yang mendadak disebabkan pengguna beralih daripada daging ayam kepada ikan serta masalah bekalan yang berkurangan sehingga 50 peratus, peningkatan kos pengangkutan dan keadaan cuaca yang tidak menentu.
- Orang ramai yang ditemui pula mengakui terkesan dengan kenaikan tersebut dan mengharapkan kerajaan mengambil tindakan segera kerana pengguna sebelum ini sudah terkesan dengan kenaikan barang-barang makanan lain di pasaran.

MUKA 2 & 3



Syor letak kedudukan bahasa Melayu di bawah Agong

YANG di-Pertuan Agong seeloknya diberi mandat untuk memelihara bahasa Melayu dan memberikan arahan sewajarnya melalui pindaan Akta Bahasa Kebangsaan dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959.

Panel Khidmat Nasihat DBP, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, apabila mandat itu diberikan kepada Seri

Paduka Baginda, ia akan lebih bersifat neutral dan tidak mudah dipolemikkan mana-mana pihak.

"Kalau kita tak berikan mandat itu kepada Yang di-Pertuan Agong, sebaliknya kepada menteri, itu akan menjadi satu cabaran besar kepada mereka kerana kebanyakan mereka adalah orang politik," katanya.

11

Harga ikan naik selepas Aidilfitri

Peniaga tiada pilihan kerana pemborong sudah menaikkan harga

KUANTAN

Harga ikan di daerah ini naik RM2 hingga RM3 bergantung kepada jenis ikan selepas Hari Raya Aidilfitri yang lalu.

Tinjauan di Pasar Sejahtera Ikan Segar Beserah di sini, rata-rata peniaga mengakui tentang kenaikan harga itu namun tidak menghadapi masalah dari segi bekalan ikan segar ketika ini.

Seorang peniaga, Othman Ismail, 55, berkata, sebagai peniaga, dia terpaksa akur dengan kenaikan itu walaupun sedikit sebanyak memberi kesan kepada perniagaannya.

Menurutnya, ramai pelanggan merungut apabila harga

ikan naik namun peniaga juga turut terkesan apabila terpaksa menampung kos modal yang lebih tinggi.

"Walaupun harga naik, permintaan pengguna tetap ada cuma agak perlahan. Kalau kenaikan ini berlaku berterusan, ia akan memberi masalah bukan sahaja kepada kami sebagai peniaga malah juga kepada pengguna," katanya.

Othman berkata, antara ikan yang mendapat permintaan di gerainya termasuk ikan selang dan ikan aya (tongkol) walaupun harga agak meningkat.

Sementara itu, Muhammad Yusri Ahyat, 23, berkata, harga ikan kembung di gerainya kini dijual pada harga antara RM20 hingga RM22 sekilogram.

"Sebelum ini harga paling tinggi RM20 namun selepas Aidilfitri lalu harga mula naik dan berterusan hingga kini. Bagi kami harga ikan tidak menentu terpaksa dihadapi walaupun agak

membebankan.

"Selain bekalan ikan terpaksa dibeli dengan harga lebih tinggi, kos pengangkutan, ais dan sebagainya terpaksa juga diambil kira," katanya.

Muhamad Yusri berkata, jualan harian juga agak perlahan pada hari biasa dan rata-rata peniaga amat bergantung pada jualan pada hujung minggu.

"Jualan harian bergantung kepada harga semasa di peringkat pemborong. Bila harga tinggi macam sekarang, kuantiti ikan terpaksa dikurangkan," katanya.

Mohd Adnan Mat Dahan, 37, berkata, turun dan naik harga ikan bergantung kepada banyak faktor termasuk keadaan cuaca.

Katanya, sesetengah jenis ikan agak kurang ditangkap ketika ini jadi faktor itu mungkin antara yang menyebabkan harganya meningkat.

"Antaranya ikan tenggiri, sebelum Aidilfitri lalu harga modal hanya RM33 sekilogram tetapi sekarang naik kepada RM36.50," katanya.



Sebagai peniaga, Muhammad Yusri terpaksa menaikan harga jualan bagi meneruskan perniagaan.

Harga ikan naik sehingga RM6 sekilogram

SEREMBAN - Kebanyakan peniaga di sini mengakui berlaku kenaikan harga ikan sejak kebelakangan ini antara RM2 hingga RM6.

Pengusaha Pasar Online N9, Muhammad Safwan Mohd Ghazali berkata, antara ikan yang naik harga ialah tenggiri batang, kenaikan sebanyak 10 hingga 15 peratus selepas Hari Raya Aidilfitri.

"Ikan tenggiri sebelum ini RM33

hingga RM35, sekarang sudah cecah RM39-RM41 sekilogram. Selain itu ikan jenahak sebelum Mac ialah RM33 hingga RM34 harga sekarang antara RM35 hingga RM36 sekilogram.

"Begitu juga dengan ikan kembung sekitar RM18 hingga RM19 kini mencecah RM21 hingga RM23 sekilogram. Kenaikan harga ini disebabkan pembekal menaikkan harga sekali gus mendorong kami menaikkan harga jualan," katanya.

Sementara itu penyelia Pasar Borong Bahau, Jempol, Leon Tey berkata, pihaknya terpaksa menaikkan harga ikan sejak tiga bulan lalu selepas mengambil kira pelbagai faktor.

"Contohnya ikan kembung sebelum ini boleh dapat antara RM9 hingga RM10 kini menjadi RM13 hingga RM14 sekilogram.

"Antara faktor kenaikan harga adalah pembekal menaikkan harga, tambahan pula dengan pelaksanaan pekerja daripada RM1,200 kepada RM1,500. Semuanya untuk menampung pelbagai kos selain keuntungan yang diterima.

"Bagaimanapun, kalau lihat sekarang ini kebanyakan barang naik harga, sama seperti ayam. Saya sudah lama menghentikan jualan ayam kira-kira pertengahan tahun lepas sebab kos yang perlu ditanggung tidak berbaloi dengan keuntungan," katanya.



MUHAMMAD SAFWAN

INFO HARGA SEMASA IKAN

SELANGOR:	
Jenis Ikan	Kembung (batang)
Harga (1kg):	RM10-RM12
Jenis Ikan	Kembung (tenggiri)
Harga (1kg):	RM8-RM10
Jenis Ikan	Cencaru
Harga (1kg):	RM8-RM10
IPOH PERAK:	
Jenis Ikan	Kembung
Harga (1kg):	RM15
Jenis Ikan	Selayang
Harga (1kg):	RM12
Jenis Ikan	Marah
Harga (1kg):	RM45
JOHOR:	
Jenis Ikan	Kembung
Harga (1kg):	RM15-RM20
Jenis Ikan	Selayang
Harga (1kg):	RM15.50
Jenis Ikan	Cencaru
Harga (1kg):	RM11
PAHANG:	
Jenis Ikan	Kembung
Harga (1kg):	RM20-RM22
Jenis Ikan	Tenggiri
Harga (1kg):	RM36.50

Kenaikan amat membebankan

Pengguna perlu bersedia dengan trend kenaikan harga ikan selepas ini

IPOH

Kenaikan harga ikan beberapa kali dalam tempoh sebulan amat membebankan dan peniaga serta pembeli perlu bersedia dengan trend kenaikan yang dijangka bermula minggu hadapan.

Peniaga, Kamariah Musa, 55 berkata, kenaikan tersebut menurut pemborong adalah seiring dengan kenaikan harga barangan semasa.

"Kita menerima bekalan setiap pagi dan apabila melihat bil, tanya juga kenapa mahal dan pemborong kata ia disebabkan harga barang mahu naik. Itu yang diberitahu dan kami terpaksa bayar harga yang ditetapkan."

"Antara harga yang naik seperti ikan kembung naik RM1 beberapa kali dengan jualan kini RM15 sekilogram (kg), Selang (RM12kg) dan ikan merah pula mencecah RM48 sekilogram selepas naik RM2, Sabtu lalu," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pasar Awam Parit di sini.

Menurutnya, kenaikan harga ikan itu menyebabkan margin keuntungan peniaga menjadi sedikit.

"Modal yang dikeluarkan banyak



Kamargh menimbang ikan yang dibeli seorang pelanggan di Pasar Awam Parit.

dan ikan bukan selalu habis. Kalau ambil sedikit, mungkin tidak boleh pusing modal semula.

"Sudah 17 tahun berniaga, tempoh lima bulan ini harga ikan tidak menentu tambahan ikan sejuk beku akan naik harga pula. Keadaan itu sudah tentu akan membebankan pembeli juga," katanya.

Peniaga, Salasiah Mohd Syafie, 57, berkata, dia terpaksa mengambil kuantiti yang sedikit ekoran kenaikan harga itu bagi mengelak kerugian.

"Ikan selang, nyok-nyok antara yang naik manakala ikan kembung pula tidak menentu. Minggu depan pemborong memaklumkan terdapat kenaikan harga bagi ikan segar tetapi

tidak dinyatakan jumlahnya.

"Kita tidak ambil banyak kali ini berikutan pelanggan pun tidak banyak beli ikan. Ada kala pelanggan merungut dengan kenaikan ini tetapi kami tiada pilihan terpaksa menjual mengikut harga yang dibeli daripada pemborong," katanya.

Seorang peniaga nasi berlauk, Elia Abdul Malik, 50, mengakui terkesan dengan kenaikan harga ikan segar yang dibelinya setiap hari.

"Ikan segar naik sehingga RM5, tambahan pula dengan kenaikan harga sayur dua kali ganda. Kita hendak jual makanan tidak boleh menaikkan harga sesuka hati kerana pelanggan terdiri pelbagai golongan," katanya.

Masalah bekalan ayam beri kesan kepada harga ikan

TANJONG KARANG - Harga ikan di Pasar Awam Tanjung Karang di sini naik antara RM1 hingga RM2 sekilogram sejak dua minggu lalu.

Seorang peniaga, Lee Hong Chioa, 40, berkata, ikan kembung saiz besar misalnya dijual RM12 sekilogram berbanding sebelum ini RM10 sekilogram.

Menurutnya, kenaikan RM2 sekilogram itu berlaku disebabkan menerima harga lebih tinggi daripada pembekal.

"Kami menerima ikan pada harga tinggi, jadi terpaksa naikan harga bagi mengurangkan risiko kerugian," katanya.

Hong Chioa berkata, antara ikan lain naik harga seperti kembung saiz kecil daripada RM8 sekilogram kepada RM10 sekilogram, cencaru RM8 sekilogram kepada RM9 sekilogram.

Katanya, antara faktor lain menyebabkan ikan naik harga berpunca akibat kesukaran mendapatkan bekalan ayam.

"Orang ramai mula bertukar daripada membeli ayam kepada ikan menyebabkan permintaannya meningkat," ujarnya.

Seorang lagi peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Chew, 53, berkata, harga ikan pada masa ini tidak menentu.

Bagaimanapun, katanya, beberapa jenis ikan mengalami kenaikan hingga dia terpaksa menolak pembelian daripada pemborong.

"Kami tidak menjual beberapa jenis ikan yang mengalami kenaikan harga disebabkan pemborong menjual pada harga melebihi RM16 sekilogram."

"Jika harga ikan mahal, sudah tentu pelanggan tidak mahu membeli dan ini mendatangkan kerugian," ujarnya.

Seorang lagi peniaga, Faridah Udin, 37, berkata, ikan dijualnya di kawasan lapang di hadapan pasar awam itu lebih murah disebabkan mengambil bekalan secara terus daripada pemborong.



FARIDAH



Bekalan ikan kurang 50 peratus

JOHOR BAHRU - Selain bekalan ayam, bekalan ikan di bandar raya ini turut berkurangan menyebabkan berlaku sedikit peningkatan harga sekitar RM1 sehingga RM4 sekilogram.

Penjual ikan di Pandan yang mahu dikenali sebagai Ong berkata, bekalan ikan dan hidupan laut berkurangan 50 peratus berbanding sebelum ini menyebabkan harganya meningkat.

Katanya, pembekal memaklumkan bekalan diperolehi

tidak banyak memandangkan faktor cuaca selain kos pengangkutan yang meningkat.

"Ikan kembung, cencaru dan selar kuning alami masalah bekalan. Kebanyakannya diperolehi dari Perak."

"Sekarang ini kembung susah nak dapat walaupun orang ramai cari. Minggu lalu, kembung masih ada dan dijual antara RM18 hingga RM20 sekilogram (kg) berbanding hanya RM14 hingga RM16 sebelum ini."

"Ikan selang pula se-

karang RM15.50 sekilogram berbanding hanya RM11 manakala cencaru pula naik ke RM11 berbanding hanya antara RM8 hingga RM9 sekilogram," katanya.

Peniaga ikan yang dikenali sebagai Firdaus pula memberitahu sotong pula mengalami lebihan penawaran berikutan musim sotong di Mersing ketika ini.

Katanya sotong dijual mengikut saiz yang mana bagi saiz kecil dijual serendah RM15.50 sekilogram.



Masalah bekalan antara faktor harga ikan meningkat.

EK ELEH

Kalau ayam, daging dan ikan sudah mahal APA LAGI KITA BOLEH MAKAN?

Kita makan HATI SAJA LAH...



'Larangan eksport hanya sementara'

MAFI pantau bekalan ayam dalam negara sehingga stabil semula

Oleh HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Larangan eksport 3.6 juta ekor ayam sebulan ke negara luar adalah bersifat sementara dan hanya dinilai semula selepas bekalan ayam dalam negara kembali stabil.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, larangan eksport itu perlu dilakukan bagi memastikan bekalan ayam dapat distabilkan segera dan kerajaan akan terus melakukan pemantauan.

"Keperluan bekalan ayam dalam negara adalah lebih kurang 1.8 hingga 2 juta sehari. Jadi sekatan eksport merupakan langkah sementara yang akan dikaji sebaik sahaja bekalan ayam negara kembali stabil. Ia untuk memastikan kita boleh capai keperluan negara.

"Kita akan pantau (bekalan ayam). Perlu faham ayam memerlukan 35 hingga 40 hari (kitaran tumesaran sebelum boleh dijual)," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, beliau berkata, ke-



Larangan eksport ayam bagi memastikan bekalan untuk pasaran dalam negara dapat distabilkan dalam tempoh segera. Gambar kecil: Ronald.

rajaan belum bercadang menubuhkan pasukan khas bagi memantau bekalan ayam.

"Kita akan wujudkan jika perlu (pasukan khas). Ketika ini Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dipertanggungjawabkan untuk melihat keadaan ini dan memantau setiap masa.

"DVS memang berfungsi untuk melihat pengeluaran ayam dan juga ternakan lain," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, industri ayam dan telur merupakan industri yang stabil di negara ini, namun mengakui wujud kekurangan bekalan disebabkan beberapa masalah seperti

yang dilaporkan.

"Kita mengalami sedikit kekurangan di pasar borong, pasar tani, namun kerajaan telah membenarkan ayam bulat diimport sejak Februari lalu bagi mengatasi kekurangan bekalan," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, pihaknya sedang meneliti permohonan loji pengeluaran ayam dari beberapa negara, mengeksport bekalan ayam di negara ini.

"Kita juga sedang dalam proses menyambung semula pentauliahan 17 loji pengeluar ayam sedia ada di beberapa negara," katanya.

REAKSI



Kerajaan negeri Selangor memutuskan untuk meneruskan Program Intervensi Harga Makanan Ehsan sebagai langkah jangka pendek mengatasi isu kekurangan bekalan

ayam. Kerajaan negeri akan sediakan dana bagi memastikan bekalan ayam ada dan ditawarkan dengan harga rendah. Ini langkah jangka pendek bagi atasi isu kekurangan bekalan ayam yang akan dilaksanakan oleh FAMA dan PKPS. - Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian Selangor, Izham Hashim



Untuk mengembalikan bekalan ayam dalam negara, perkara asas perlu ditangani terlebih dahulu. Sekiranya permit import (AP) dibuka seluas-luasnya, ia mungkin tidak dapat

menampung permintaan kerana kekurangan ayam juga berlaku di negara pengeksport. Sudah berkali-kali isu ini diutarakan. - Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin



Sebelum ini, saya menerima 1,000 ekor ayam, namun sejak sebulan lalu hanya memperoleh 100 ekor ayam daripada pembekal.

Mengingat, sebab pelanggan ada yang mahu beli banyak tetapi kami peniaga tidak dapat disediakan. Sekarang ini, jual ayam tua pula, mana tahu ada yang hendak beli sebab bekalan ayam daging memang terhad," katanya. - Peniaga ayam mentah di Pasar Basah Pandan, Johor, Azman

Koperasi digesa bantu perbanyak bekalan makanan

KUALA LUMPUR - Koperasi yang terlibat dalam sektor pertanian digesa membantu usaha kerajaan memperbanyakkan bekalan makanan seperti ayam dan daging.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya juga mengharapkan tanah Kementerian, koperasi dan agensi kerajaan digunakan untuk menanam makanan ternakan seperti jagung.

"Di harap koperasi akan tampil ke hadapan untuk memainkan peranan mengurangkan harga bekalan makanan keperluan negara," katanya semasa berucap sempena Majlis Pelancaran Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi

Malaysia (SKM) 2021-2025 dan Pra Pelancaran Sambutan Hari Koperasi Negara di sini, Selasa.

Kerajaan sebelum ini bersetuju menjadikan penanaman jagung dan hampas isirung kelapa sawit (PKC) sebagai alternatif kepada makanan ayam untuk langkah panjang mengawal isu harga dan bekalan bahan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kabinet bersetuju untuk meminta kerjasama kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) bagi jangka masa panjang.

Noh kemudian dalam sidang

akhsar menjelaskan, pihaknya menggalakkan supaya koperasi terlibat dalam pembuatan bahan makanan ternakan seperti ayam.

"Sebagai contoh ada sebuah Koperasi Felcra di Terengganu. Ia sudah mempunyai kilang tetapi proses pembuatan makanan ini untuk ruminan iaitu kambing dan lembu," katanya.

Noh berkata, sebuah federasi pertanian juga ditubuhkan di bawah SKM agar dapat memainkan peranan untuk membantu dan menggalakkan koperasi yang terlibat dalam sektor pertanian.

Noh melahirkan penghargaan kepada Ismail Sabri dan kabinet kerana bersetuju membenarkan koperasi sektor perladangan memohon pekerjaan asing pada Isnin.

MyCC dedah keputusan kartel ayam

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dijangka mengeluarkan keputusan cadangan di bawah Seksyen 36 Akta Persaingan 2010 berhubung dakwaan kewujudan kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia sekiranya tuduhan kartel itu mempunyai asas kuat.

"Pihak yang disiasat kemudian akan diberi ruang untuk mempertahankan diri mereka melalui sesi representasi suksesi membuat keputusan muktamad," katanya dalam

kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, MyCC sedang menyiasat dakwaan perlakuan antipersaingan merangkumi perjanjian atau penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran yang boleh meningkatkan harga barangan dalam pasaran industri ayam.

Beliau berkata, aktiviti penyiasatan dijangka akan tamat pada akhir Jun nanti.

Jelasnya, pihak yang disiasat akan diberi ruang mempertahankan diri sebelum suruhanjaya membuat keputusan.

"Jika didapati melanggar seksyen itu, mereka boleh dikenakan penalti kewangan sehingga 10 peratus dari jualan," katanya.

'Sudah 10 tahun berlaku'

Peniaga akui trend kekurangan bekalan makanan adalah krisis berulang sebelum pandemik lagi

Oleh RAJA NUR FAZNE AIDA dan MUHAMMAD YUSAINI MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Trend kekurangan bekalan makanan atau bahan mentah dalam negara mula menunjukkan peningkatan sejak 10 tahun lalu.

Pengarah Sekretariat Usahawan Perak (STeP), Mohamad Rozlan Mohamad Razalli berkata, kekurangan bekalan makanan merupakan satu krisis yang berulang sebelum pandemik Covid-19 melanda negara.

"Kita mengakui bahawa negara sedang mengalami krisis bekalan makanan, belum krisis makanan."

"Di STeP sendiri juga banyak menerima maklum balas dan rungutan daripada usahawan kerana mereka ini yang menghasilkan makanan asas termasuk ayam, gula dan beras."

"Krisis ini bukan berlaku sebulan, dua ini tetapi sebelum pandemik lagi dan banyak aspek yang menyumbang," katanya dalam Wacana *Sinar Harian* Edisi ke-348 bertajuk 'Krisis Makanan: Selamatkah Malaysia?' pada Isnin.

Program tersebut juga menampilkan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Perak, Ir Ts Kamarullaffie Ahmad, mana-



Dari kiri: Dinnie Mohamad Rozlan dan Kamarullaffie dalam program Wacana *Sinar Harian* Edisi ke-348 bertajuk 'Krisis Makanan: Selamatkah Malaysia?' pada Isnin.

kala, Dinnie Asyraf Salim sebagai moderator.

Mengulas lanjut, Mohamad Rozlan berkata, kekurangan pekerja, petani dan penanam khususnya golongan muda antara yang menyumbang kepada krisis bekalan makanan yang berlaku ketika ini.

Menurutnya, kebanyakan daripada petani aktif ketika ini adalah mereka yang terdiri daripada golongan veteran dan sudah berumur.

Tegas Mohamad Rozlan, negara juga sudah menghadapi Covid-19 sejak dua tahun lalu yang sepatutnya menyebabkan kadar pengangguran lebih tinggi.

"Jadi kita perlu melihat kenapa fenomena ini berlaku? Malah tahun lepas, ada dalam kalangan peniaga mula berbunyi dan mengeluh betapa sukarnya untuk mencari pekerja lebih-lebih lagi generasi muda."

"Apatah lagi nak cari dan melahirkan petani dan penanam muda. Itu satu persoalan dan permasalahan adakah selama ini kita bergantung kepada sektor tenaga manusia luar?"

"Atau adakah tenaga kerja kita yang sepatutnya menanam, terlibat dengan pertanian dan bahan mentah dalam industri ini di Malaysia, mereka lebih berminat dengan bidang yang lain? Jadi kita kena lihat perkara itu," ujarnya.

Beliau berkata lagi, krisis bekalan makanan seharusnya dijadikan satu peluang kepada golongan usahawan untuk melibatkan diri dalam industri itu.

"Apabila kita berada di ambang krisis makanan, rakyat Malaysia atau usahawan seharusnya menjadikan ini satu peluang."

"Mereka perlu tengok daripada permasalahan, merupakan satu peluang mereka untuk jana pendapatan, inilah masanya untuk bersama-sama mengajak pemuda pemudi untuk menceburi bidang sekuriti makanan atau penanaman makanan ternakan."

"Ia supaya negara kita tidak menghadapi krisis bekalan makanan akan datang," jelasnya.

Isu kartel dalam perniagaan sudah lama wujud - DPMM



KAMARULLAFFIE

SHAH ALAM - Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mengakui wujud isu kartel dalam perniagaan terutama makanan sehingga memberi kesan sampingan kepada usahawan kecil.

Pengerusi DPMM Perak, Ir Ts Kamarullaffie Ahmad berkata, berdasarkan maklumat yang diterima, isu tersebut memang sudah lama berlaku, bukannya sahaja dari segi bidang makanan tetapi bidang lain turut terlibat sama.

Justeru, beliau menyambut baik keputusan kerajaan memansuhkan keperluan permit import (AP) terhadap bahan makanan berkuasa kuasa serta-merta, kerana ia secara tidak langsung membuka pasaran domestik.

"Kalau tidak, hanya golongan tertentu yang akan dapat import. Jadi, dengan langkah oleh kerajaan itu memang kita amat berterima kasih kerana telah usahawan bidang perniagaan ini bebas mengimport barangan."

"Ia juga secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kita kepada orang-orang tertentu. Jadi kartel itu memang berlaku, cuma besar atau kecil itu pihak tertentu perlu membuat kajian seterusnya," katanya.

Mengulas lanjut, Kamarullaffie berkata, kerjasama semua pihak amat penting untuk memastikan isu kartel tersebut dapat dikurangkan, secara tidak langsung membangunkan usahawan-usahawan di peringkat mikro dan juga sederhana.

"Kebanyakan kartel itu merangkumi syarikat-syarikat besar. Jadi kita usahawan kecil terjejas pendapat."

"Kalau di Indonesia, kerajaan republik itu telah mengharamkan eksport minyak sawit. Jadi secara tidak langsung kurang hasil minyak kita. Ini juga menyebabkan harga barangan meningkat kerana kurangnya eksport ke negara-negara luar."

"Pada masa sama, kita tidak dapat membeli barangan dari negara luar menyebabkan harga bahan mentah tinggi."

"Justeru, inilah peranan DPMM supaya menghalang perkara berkenaan daripada terus berlaku," katanya.

Kadar inflasi rendah kerana subsidi, kawalan harga barangan

KUALA LUMPUR - Meskipun kadar inflasi bagi April dijangka meningkat ekoran kenaikan harga barang, ia masih dilihat rendah dan mampu dikawal kerajaan disebabkan adanya bantuan subsidi yang meluas oleh kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, selain itu, kawalan harga bahan mentah yang diwujudkan kerajaan juga berjaya menjadikan kadar inflasi di negara ini rendah

iaitu sebanyak 2.2 peratus pada Mac 2022.

"Di Amerika Syarikat (AS) (kadar inflasi) sudah 8.3 peratus dan United Kingdom (UK) 9.0 peratus."

"Alhamdulillah oleh kerana kita ada kawalan harga dan subsidi, ia menjadikan kadar inflasi kita rendah, umpamanya subsidi untuk minyak masak, subsidi untuk gas."

"Subsidi untuk petroleum misalnya harga sebenar adalah lebih RM4, tetapi rakyat hanya bayar RM2.05 bagi RON95 dan RM2.18 bagi diesel

seliter," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis pemeteraian antara AirAsia Academy dengan MyDIGITAL Corporation bagi program meningkatkan penamban kemahiran berkaitan digital - Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR) untuk rakyat Malaysia.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Harga Pengguna (IHP) yang me-



MUSTAPA

ngukur kadar inflasi di Malaysia meningkat 2.2 peratus kepada 125.6 pada Mac 2022 berbanding 122.9 pada Februari, melebihi purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2022 iaitu 1.9 peratus.

Mengenai langkah melaksanakan subsidi berasaskan, Mustapa memaklumkan, perkara tersebut sedang diteliti lebih terperinci dan akan diumumkan pada masa yang

akan ditentukan kelak.

Jelasnya, antara subsidi bersasar yang sudah dilaksanakan kerajaan adalah subsidi untuk mengerjakan ibadah haji.

"Kerajaan sedar rakyat tertekan dengan kenaikan harga, oleh itu telah disediakan subsidi yang besar dan subsidi akan diteruskan, cumanya dari segi dasar, kita buat keputusan untuk melaksanakan dasar subsidi bersasar bagi golongan yang layak dan memerlukan," kata beliau. - Bernama

Sekatan eksport ayam bersifat sementara

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengkaji semula sekatan eksport 3.6 juta ayam bulat ke negara seperti Singapura, Vietnam dan Pakistan selepas bekalan dagingnya untuk pasaran tempatan kembali stabil.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, langkah ini bersifat sementara dan akan dikaji sebaik sahaja bekalan ayam kembali stabil susulan negara berdepan dengan kekurangan ayam.

Katanya, pemantauan akan dibuat memandangkan tumbesaran ayam adalah antara 35 hingga 40 hari sahaja.

"Ini bagi memastikan keperluan negara boleh dicapai. Selama ini industri ternakan ayam daging dan telur adalah stabil namun ia berdepan kekurangan bekalan sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

"Eksport ayam dan telur ke negara lain dibuat sebelum ini



RONALD Kiandee (tengah) beramah mesra bersama tetamu pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Putrajaya, semalam. — UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

berikut bekalan dalam negara stabil dan memenuhi 100 peratus tahap sara diri (SSL)," katanya pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri MAFI di Wisma Tani, di sini, semalam.

Ronald berkata, tiada keperluan menubuhkan satu jawatankuasa khas kerana semua as-

pek membabitkan bekalan ayam tempatan dipantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Kita pantau dari segi bekalan. Industri ayam dan telur adalah satu industri yang stabil di negara ini cuma dalam keadaan disebabkan beberapa faktor yang dimaklumkan industri, kita berdepan kekurangan.

"Penubuhan jawatankuasa itu hanya akan diwujudkan belum dicadangkan kerana JPV yang dipertanggungjawabkan untuk melihat keadaan dan memantau pada setiap masa, serta berfungsi untuk melihat pengeluaran ternakan termasuk ayam," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memutuskan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan dihentikan mulai 1 Jun ini sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil dengan keutamaan terhadap bekalan rakyat negara ini.

Penternak dakwa diarah naik taraf reban

Reban tertutup punca boikot?

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**
utusannews@mediamula.com.my

Selesaikan dulu masalah penternak



GEORGETOWN: Tindakan penternak ayam di negara ini menghentikan pengeluaran ternakan mereka pada hujung minggu lalu mendakwa arahan pengubahsuaian reban kepada jenis tertutup yang boleh menelan kos hampir RM1 juta adalah antara punca tindakan itu diambil.

Difahamkan, kelewatan kerajaan membayar subsidi harga ayam 60 sen kepada penternak bukan alasan utama kepada tindakan mereka itu.

Sebaliknya, boikot senyap itu adalah satu 'perancangan' yang diatur pihak penternak ayam yang membantah keras pelaksanaan reban tertutup dengan lengkap sistem penghawa dingin dan blower (peniup).

Seorang pembekal ayam yang hanya mahu dikenali sebagai Rahim, 40, berkata, ramai dalam kalangan penternak kecil ayam khususnya dikatakan menolak arahan pembinaan reban tertutup atas faktor kewangan

termasuk kos makanan ruminan dan sara hidup yang semakin tinggi.

Menurutnya, arahan pihak berkuasa berhubung pelaksanaan reban ayam tertutup dipercayai akan mengeruhkan lagi isu kenaikan harga barangan keperluan utama rakyat itu di peringkat pengeluarannya.

"Bukan isu subsidi kerajaan yang menjadi alasan tetapi hakikatnya melibatkan pengubahsuaian kandanh daripada terbuka menjadi tertutup.

"Bagi penternak yang besar mungkin mereka setuju tetapi bagi mereka yang mengusahakan ladang ayam secara kecil-kecilan memang menolak sama sekali.

"Jika 10 tahun lalu, kos pengubahsuaian mampu diperoleh pada harga RM30,000 hingga RM100,00 tetapi, hari ini jumlah tersebut bagaikan mimpi.

"Lebih parah apabila arahan pihak berkuasa terbabit juga dikatakan akan berkait rapat atau bersangkut dengan urusan pembaharuan lesen ternakan tahunan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Semalam, akhbar melaporkan masalah yang dihadapi oleh penternak yang membawa kepada situasi kekurangan bekalan ayam ketika ini perlu diselesaikan dahulu sebelum memberikan tanggungjawab kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Felda atau Nafas.

Guna Cukai Makmur wujudkan dana penstabilan harga

MELAKA: Kerajaan disaran menggunakan Cukai Makmur yang diperkenalkan dalam Belanjawan negara pada tahun ini untuk mewujudkan dana penstabilan harga barangan keperluan asas rakyat.

Ahli Parlimen Kota Melaka, Khoo Poay Tiong berkata, Malaysia bakal berdepan krisis makanan lebih besar dalam tempoh beberapa bulan akan datang sekiranya kerajaan gagal menyelesaikan isu kekurangan bekalan ayam yang sedang menekan pengguna.

Beliau berkata, Cukai Makmur adalah cukai korporat yang dikenakan sekali saja ke atas syarikat yang memperoleh keuntungan melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022 dan wajar digunakan demi kepentingan rakyat.

Dalam pada itu, beliau meminta pemberian subsidi dijanjikan kepada kumpulan penternak disegerakan bagi mengelak penternak mengalami kerugian besar kerana perlu menanggung kos dedak yang kian meningkat.

"Perkara ini tidak mengejutkan kerana saya menyatakan sebelum ini bahawa tindakan



KHOO POAY TIONG

kerajaan yang lambat membayar subsidi seperti dijanjikan dan mengenakan harga maksimum akan menyebabkan masalah lebih besar.

"Sejak tahun lalu, kerajaan menjanjikan subsidi untuk membantu para penternak tetapi terdapat laporan berita bahawa sehingga hari ini para penternak belum menerimanya.

"Kegagalan kerajaan mengambil langkah pantas dan proaktif dalam isu bekalan makanan menyebabkan krisis lebih besar dalam beberapa bulan akan datang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Dua GLC sedia terokai industri ternakan ayam

PETALING JAYA: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) sedia meneroka secara serius dalam industri menternak ayam sebagai satu langkah menangani masalah kekurangan bekalan di negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Lembaga Pengarah Felda, Muhammad Fadzli Hassan berkata, ini berikutan Felda sudah mempunyai program pembangunan peneroka untuk menambah pendapatan peneroka termasuk generasi kedua.

Katanya, Felda boleh mempergiatkan program tersebut dengan lebih serius lagi susulan keputusan Jemaah Menteri, Isnin lalu.

"Daripada tujuh atau lapan pakej yang disediakan program pembangunan itu, memang salah satu daripadanya ada (ternak) ayam, begitu juga anab dan program besarkan ternakan lembu serta kambing.

"Jadi dalam Felda, benda ini sudah dilaksanakan sejak dulu lagi dan mula serius dua atau tiga tahun lepas.



INDUSTRI ternakan dan bekalan ayam dijangka pulih apabila dua syarikat berkaitan kerajaan sedia mengambil bahagian dalam industri itu bagi membantu menambah bekalan makanan negara.

"Tetapi dengan saranan Perdana Menteri, kita akan buat perbincangan dengan pimpinan tertinggi supaya ambil serius *food security* bukan saja kepada warga peneroka, tetapi selu-

ruh negara," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, kerajaan membuat keputusan untuk menggalakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), agensi kerajaan, pertubu-

han peladang dan koperasi untuk terlibat dalam penternakan ayam susulan isu kekurangan bekalan ketika ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Fadzli berkata, program pem-

angunan yang dilaksanakan itu membolehkan peneroka cuma menguruskan tugas menternak dengan dananya diperuntukkan daripada agensi itu mahupun kerajaan.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Zamri Yaakob berkata, pihaknya mahu menjadi salah satu pengeluar ayam terbesar di negara sebagai satu langkah drastik untuk memerangi orang tengah.

Beliau berkata, Nafas mempunyai pengalaman dan dengan rangkaian yang ada dilihat mampu melakukannya secara besar-besaran.

"Pada peringkat awal, kita panggil pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) untuk bincang dan minta supaya pengerusi PPN boleh bantu Nafas dan mereka pasti boleh sebab mereka di bawah kita.

"Selepas perjumpaan kemudian kita akan mengadakan lagi perbincangan untuk mengambil langkah yang diminta," katanya.

Ambil kira semua aspek sebelum tanam jagung

PETALING JAYA: Isu kekurangan bekalan ayam disebabkan kenaikan harga dedak yang terpaksa ditanggung penternak dapat diatasi dengan penanaman bijirin khususnya jagung.

Namun begitu, kesemua faktor seperti keadaan cuaca dan tanah perlu diambil kira sebelum melakukan apa-apa projek penanaman jagung disebabkan ia memerlukan kos yang sangat tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Ternakan Ayam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Zulkifli Idrus berkata, penanaman jagung memerlukan tanah yang sesuai, kawasan kering dan keadaan cuaca yang panas bagi mengelakkan pertumbuhan fungi yang menyebabkan ia tidak sesuai diberi makan kepada ayam.

"Mungkin keadaan cuaca di Perlis yang panas sesuai untuk tanaman ini, tetapi adakah negeri itu mempunyai tanah yang luas bagi membolehkan penanaman jagung dilakukan dalam skala besar? Mungkin tidak," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar berkenaan isu kekurangan bekalan ayam serta kenaikan harga dedak yang terpaksa ditanggung penternak.

Justeru, kebergantungan yang boleh dianggap 100 peratus terhadap jagung bijirin import perlu diatasi dengan negara mengeluarkan sendiri jagung bijirin tersebut.

Sementara itu, kata Zulkifli lagi, sekiranya Malaysia serius untuk menanam jagung bijirin, strategi dan pelan jangka panjang yang bukan hanya berfungsi apabila terdapat krisis kekurangan bekalan ternakan perlu dilakukan segera.

"Masalah akan berlaku apabila krisis sudah reda dan keadaan sudah kembali normal, harga jagung global berkemungkinan turun yang mana ia menyebabkan harga jagung import lebih murah daripada harga jagung tempatan.

"Jika ini berlaku, apa akan jadi kepada projek-projek tanaman jagung tempatan? Adakah diberhentikan atau digururkan? Semua ini perlu diambil kira," jelasnya.

Tumpu penghasilan tanaman bijirin untuk ayam

Lembaga jagung bantu tambah makanan haiwan

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

KUALA LANGAT — Kerajaan di-cadang untuk menubuhkan Lembaga Jagung Bijirin Negara bagi mengatasi masalah bekalan makanan kepada haiwan ternakan ketika ini sehingga menyebabkan kenaikan kos pelbagai barangan.

Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Zamri Yaakob berkata, lembaga itu akan memberi tumpuan kepada penghasilan tanaman jagung bijirin seterusnya memastikan bekalan ayam 60 juta ekor sebulan dapat diteruskan.

"Sebelum ini peladang menanam jagung tetapi harga pasaran murah menyebabkan penghasilan kurangnya."

"Namun sekarang, harganya melambung menjadi RM1,800 satu tan dan keadaan itu menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Jadi, sewajarnya Lembaga Jagung Bijirin ini segera ditubuhkan bagi mengatasi permasalahan ini," katanya ketika ditemui semalam.



ZAMRI (tengah) menyampalkan bantuan benih kepada wakil unit peladang di Kuala Langat semalam.

Dalam pada itu, Zamri berkata, pihaknya berharap usaha penanaman jagung bijirin secara besar-besaran boleh digerakkan segera dengan kerjasama kerajaan negeri.

"Kita memerlukan kerjasama kerajaan negeri kerana tanah

adalah bidang kuasa mereka. Sebagai contoh di Pahang, banyak tanah yang boleh dijadikan kawasan penanaman jagung bijirin.

"Usaha penanaman ini memerlukan bajet yang besar dan diharap dimasukkan dalam belanjawan tahun ini," jelasnya.

10,000 ekor ayam di 67 outlet bermula 1 Jun

GOMBAK — Sebanyak 10,000 ekor ayam standard akan dibekalkan di 67 outlet di seluruh Selangor menerusi Program Intervensi Ehsan bagi menampung permintaan ayam bermula 1 Jun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Izham Hashim berkata, program yang dilaksanakan sejak Februari lalu akan diteruskan sehingga sambutan Hari Raya Aidiladha bagi mengatasi masalah bekalan yang berlaku ketika ini.

Menurutnya, inisiatif itu akan dilaksanakan dengan kerjasama antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

"Kita ada 67 outlet di seluruh negeri Selangor dengan pengeluaran sebanyak 4,000 ekor ayam sehari."

"Bagaimanapun, kita akan meningkatkan pengeluaran ayam kepada 10,000 ekor ayam mentah sehari, perkara itu masih dalam proses dan di peringkat akhir perbincangan."

"Ia bagi menampung

kekurangan bekalan ayam di pasaran sekarang ini dan inisiatif itu akan bermula 1 Jun ini sehingga Aidiladha nanti," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambah Izham, kerajaan negeri akan menyediakan dana untuk memastikan bekalan ayam itu sentiasa ada dan memastikan harga ayam dijual mengikut harga pasaran.

Sementara itu, Izham berkata, masalah kekurangan bekalan ayam adalah disebabkan permintaan tinggi di samping pengeluaran ternakan itu yang terhad.

"Keluaran ayam di negeri Selangor adalah sebanyak 14 hingga 15 juta ekor bagi semusim (dua bulan)."

"Namun, berdasarkan per kapita penduduk di negeri ini, kerajaan negeri memerlukan sebanyak 174 juta ekor ayam setahun atau 14.5 juta ekor sebulan untuk penduduk Selangor sahaja, jadi telah menyebabkan kita telah kekurangan bekalan sebanyak 50 peratus daripada hasil keluaran," ujarnya.

Jelas Izham, permintaan tinggi di pasaran telah menyebabkan terjadi kekurangan bekalan ayam.

RM50 juta subsidi telah disalur pada penternak ayam

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memaklumkan sebanyak RM50 juta subsidi telah dibayar kepada penternak ayam di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) sejak 5 Februari lalu.

MAFI dalam satu kenyataan memaklumkan, kerajaan telah menetapkan harga siling ayam standard pada harga RM8.90 sekilogram dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta.

Katanya, subsidi itu untuk meringankan beban kos pengeluaran ayam yang kian meningkat.

"Semua penternak yang memenuhi syarat diminta untuk kemukakan permohonan agar tuntutan dapat disalurkan



RONALD (enam dari kanan) bersama sebahagian 12 pemain industri dan persatuan selepas sesi libat urus di Wisma Tani, Putrajaya kelmarin.

dalam tempoh dijanjikan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah kenyataan itu, keputusan berkenaan dicapai dalam satu sesi libat urus antara Men-

teri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kian-dee bersama 12 pemain industri dan persatuan kelmarin.

"Kesemuanya memberi jaminan dan komitmen untuk terus membekalkan ayam bagi keperluan pasaran tempatan.

"Kementerian itu berkata, bagi merencanakan lagi aktiviti pengeluaran makanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) juga akan terus mempermudah dan mempercepatkan proses tuntutan subsidi penternak ayam," ujarnya.

Sesi libat urus berkenaan dihadiri pemain industri dan persatuan penternak termasuk Leong Hup Poultry Farm Sdn. Bhd.; PWF Corporation Bhd.;

Federation of Livestock Farmers Association of Malaysia (FLFAM) dan Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS).

Tambah kenyataan itu, kerajaan tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menyorok, menyimpan atau sabotaj terhadap bekalan ayam di pasaran yang dapat menjejaskan kehidupan rakyat.

"MAFI sentiasa memandang serius sebarang perkara yang mengancam sekuriti makanan negara dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Harga siling ayam tidak untung, pemain industri berdepan kerugian besar

Stok kurang, ayam dijual lebih RM10

Oleh **LUQMAN RIDHWAN**
MOHD. NOR DAN MOHD. YUNUS
YAKKUB

PETALING JAYA – Biar pun semalam kerajaan bertegas akan menangani isu bekalan dan harga ayam, namun masih terdapat penibekal dan peniaga yang degil dan menalkan harga sewenang-wenangnya.

Situasi itu terbukti hasil tinjauan Kosmo! yang mendapati ayam masih dijual antara RM9.90 hingga RM10.40 sekilogram.

Keadaan itu menekan pengguna yang terpaksa berhadapan dengan krisis bekalan sejak minggu lalu selain kenaikan harga barangan lain.

Harga siling ayam yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHERP) ketika ini ialah RM8.90 sekilogram.

Di **Klang**, seorang peniaga dikenali Rosni berkata, mereka tiada pilihan selain terpaksa menjual ayam RM9.80 berikutan tindakan pembekal menaikkan harga sejak minggu lalu.

Dakwanya, harga bagi sekilogram ayam sebelum ini dijual antara RM8 hingga RM8.80 dan ia tidak menguntungkan peniaga.

"Tak kan nak jual pada harga RM8.90, boleh 'mati' kami.

"Bekalan ayam pun berkurangan. Tempah 160 ekor tetapi cuma dapat 80 ekor," katanya.

Situasi sama turut dilakukan seorang peniaga dikenali Mohamad yang memaklumkan harga diberikan pembekal adalah RM8.80 sekilogram.

Keadaan itu menyebabkan dia terpaksa menjual antara RM9 hingga RM9.90 sekilogram termasuk harga potong.



PENIAGA terpaksa menjual pada harga tinggi berikutan tindakan pembekal.

"(Bekalan) ayam kurang sekarang. Pelanggan lain yang datang hanya boleh tengok sahaja sebab semua telah ditempah kecuali yang mencari ayam tua.

"Biasa habis berniaga pukul 1 tengah hari, namun kini pukul 8 sudah boleh tutup kedai. Hendak untung bagaimana, mahu potong gaji pekerja bukan salah mereka sebab bekalan ayam dari ladang kurang," ujarnya.

Bagi peniaga Sazali Ramli, 43, dia terpaksa 'mencutikan' seorang pekerja dan hanya datang pada hari Ahad sahaja.

"Krisis ayam ini paling teruk sejak 17 tahun menjual ayam ini



BEKALAN ayam kini habis dalam tempoh satu jam akibat kekurangan bekalan sejak minggu lalu.

sehingga terpaksa meminta pelanggan hadir membuat tempahan awal sehari.

"Saya dengar krisis ini akan berlarutan hingga Hari Raya Aidiladha. Kerajaan sebelum ini kata akan bekalkan ayam kepada negeri atau lokasi terjejas, namun indah khabar dari rupa kerana stok masih berkurangan," katanya.

Kenaikan harga itu menekan pengguna yang rata-ratanya terpaksa mengeluarkan belanja lebih selain terpaksa 'mencari' ayam di beberapa kedai.

Seorang suri rumah, Halimatun Nadiah Idris, 44, berkata, harga bagi seekor ayam yang biasa dibelinya adalah sekitar RM17 hingga RM18 seekor, namun ketika ini dijual pada harga RM23 seekor.

"Agak terkejut juga dengan kenaikan harga ini, namun bukanlah suatu yang tidak diduga. Biar pun harga mahal iaitu seperti RM10.40 sekilogram, orang tetap membelinya," katanya.

Seorang pengguna, Rashid Abd. Samad, 35, memberitahu, dia tiada pilihan selain membeli ayam pada harga mahal kerana anak-anaknya hanya makan daging ternakan itu.

"Di mana-mana pun sama sahaja, harga memang telah meningkat. Bertuah sekiranya boleh berjumpa kedai runcit yang menjual ayam kerana rata-rata tempat yang saya pergi telah habis menjualnya.

"Harap keadaan ini tidak berterusan begitu lama kerana agak membosankan orang ramai, kami terpaksa berbelanja lebih untuk barangan biasanya boleh dibeli pada harga lebih rendah," ujarnya.

ISKANDAR
HASAN
TAN ABDULLAH

PERANG Russia dan Ukraine yang berlarutan lebih dua bulan sudah pasti merenjakkan bekalan makanan sedunia. Malahan ramai tidak tahu bahawa Russia dan Ukraine adalah pembekal utama gandum, jagung, barli dan lain-lain keperluan makanan dunia.

Boleh dikatakan Russia dan Ukraine juga pembekal utama nikel, titanium, tembaga dan lain-lain bahan yang diperlukan dalam pembuatan mikrochip. Selain itu, Russia dan Ukraine juga pembekal amonia, fosforus dan nitrat utama dunia iaitu tiga bahan yang diperlukan dalam pembuatan baja pertanian. Hasil sepertiga minyak dan gas juga datang dari Russia dan Ukraine.

Sekatan pertukaran Persatuan bagi Telekomunikasi Kewangan Antara Bank (SWIFT) juga dilaksanakan supaya dapat melihat tindak balas dalam pertukaran nilai mata wang sedunia. Kesemua insiden ini bukan berlaku secara kebetulan. Sememangnya perubahan iklim memainkan sebahagian kecil peranan dalam krisis kelaparan ini. Tetapi yang paling besar adalah mencetuskan penawaran bahan-bahan utama keperluan dunia seperti makanan, minyak, gas dan lain-lain menjadi terhad. Akibatnya permintaan sudah pasti meningkat mendadak selepas banyak negara menukar perundangan kawalan pandemik kepada epidemik.

Situasi ini akan memaksa kenaikan harga barangan keperluan tersebut disebabkan kegiatan ekonomi kembali seperti sedia kala. Seterusnya impak perubahan sosioekonomi dengan meningkatnya permintaan makanan akan memaksa satu situasi yang kritikal berlaku seiring terhadnya bekalan keperluan dunia iaitu krisis nilai mata wang.

Memaksa Russia keluar daripada pertukaran SWIFT turut menyebabkan kehilangan satu mata wang yang menjadi pembekal utama keperluan dunia bukan tindakan bijak. Sebagai tindak balas, mana-mana negara pun dalam soal SWIFT sudah pasti akan cuba menghentikan



BAGI mengurangkan pembaziran makanan supaya dapat digunakan secara optimum, satu kempen kesedaran perlu diaktifkan semula. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Pastikan tiada rakyat kita kelaparan

Platform ASEAN amat sesuai bagi kestabilan dan kemakmuran dalam menangani krisis kelaparan yang bakal berlaku."

kejatuhan nilai mata wangnya.

Langkah Russia ini sudah dijangkakan dengan menambat kepada nilai emas. Ini memberikan kesan ke atas dolar Amerika Syarikat (AS). Seperti dijangkakan, ekonomi AS yang dimonopoli oleh oligarki elit sudah pasti menaikkan harga dolar AS melebihi kekuatan nilai emas. Kesannya, dunia bakal berdepan dengan krisis nilai mata wang dan nilai emas.

Situasi ini merenjakkan ekonomi dan keperluan hidup seluruh negara selepas pandemik Covid-19. Bukan semua negara di dunia bersedia dengan renjatan tersebut. Perubahan iklim

hanya sebahagian kecil sandaran sebab utama berlakunya krisis kelaparan. Malahan jika dilihat kawasan-kawasan yang sering kali dilanda kemarau pada kali ini boleh juga dibuktikan bahawa pemanasan global adalah sengaja dirancang, bukan kebetulan. Suhu dunia dikatakan meningkat kerana meningkatnya paras gas karbon. Tetapi apakah tindakan negara-negara Barat dalam soal pemuliharaan alam untuk menurunkan paras karbon dunia? Kita boleh memulakan dasar teknologi mesra alam bagi mengawal perubahan suhu iklim negara ini.

RCEP

Sebagai langkah untuk melindungi negara kita daripada penguasaan mana-mana blok negara, platform ASEAN amat sesuai bagi kestabilan dan kemakmuran dalam menangani krisis kelaparan yang bakal berlaku.

Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bagi melindungi dasar keselamatan makanan ASEAN perlu diteliti semula supaya bekalan dan keperluan makanan terutama

negara kita tidak terjejas dengan terbentuknya satu pakatan RCEP.

Malaysia perlu mengutamakan keperluan bekalan makanan tempatan terlebih dahulu sebelum dieksport ke mana-mana negara. Langkah ini bagi melindungi rakyat tempatan daripada krisis kelaparan. Pelaksanaan dasar-dasar yang boleh menghapuskan kartel, orang tengah dalam industri perladangan, pertanian dan penternakan sepatutnya dilakukan secara telus, bersih dan akauntabiliti. Permit import (AP) perlu digunakan secara bersasar bagi melindungi industri pertanian, penternakan dan perladangan tempatan. Ini disebabkan ada kalanya harga barangan produk pertanian dan penternakan tempatan jauh lebih mahal daripada harga barangan produk luar.

Agihan subsidi bersasar ke atas perusahaan tanah yang aktif untuk aktiviti industri pertanian, perladangan dan penternakan perlu dilaksanakan segera. Agihan boleh berbentuk subsidi baja dan makanan haiwan ternakan. Menghidupkan kembali tanah-tanah terbiar untuk digunakan bagi tujuan

pertanian dan penternakan terutama di kawasan pinggir bandar dan luar bandar melalui satu skim pemuliharaan tanah. Ini dapat membantu mengurangkan jumlah kadar pengangguran dan lambakan kependudukan tumpuan ke pusat bandar.

Usaha membina terusan dan takungan air untuk kegunaan pertanian dan penternakan bagi menampung penggunaan air di kawasan penempatan kegiatan tersebut. Air merupakan sumber penting dalam kegiatan aktiviti pertanian, perladangan dan penternakan. Bagi kawasan yang berpotensi menjadi tadahan air dan masih belum diterokai, perlu digazetkan supaya dapat mewujudkan satu kawasan takungan air yang mampan dan selamat digunakan terutama bila berlaku kemarau.

Seterusnya mewujudkan gudang simpanan makanan dan stok penimbun keperluan makanan dan ternakan bagi kawalan harga dan kecemasan. Ini merupakan satu langkah efektif dalam mengawal kenaikan harga secara mendadak akibat kekurangan penawaran dalam pasaran.

Pemberian kredit tanpa faedah kepada mana-mana individu atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau syarikat perusahaan kecil dan sederhana yang ingin mengusahakan kawasan pertanian, perladangan dan penternakan. Ini amat penting dalam menjamin kelangsungan aktiviti-aktiviti pertanian dan penternakan dapat dituskan tanpa terjejas akibat faktor perubahan cuaca mahupun kekurangan modal. Usaha ini juga dapat mengurangkan pengimportan makanan dari luar.

Seterusnya dapat memampatkan sendiri keperluan kecukupan makanan bagi keperluan keseluruhan penduduk setempat melalui pemetaan semula sendiri keperluan kecukupan makanan setempat di setiap negeri dan daerah. Bagi mengurangkan pembaziran makanan supaya dapat digunakan secara optimum, satu kempen kesedaran perlu diaktifkan semula. Usaha-usaha ini sebenarnya dapat membantu satu gerakan supaya tiada sesiapa tertinggal dalam kecukupan makanan dengan menggalakkan mana-mana NGO untuk lebih giat aktif membantu golongan terjejas.

DR. Iskandar Hasan Tan Abdullah ialah Pensyarah Kanan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan.

Jangan abai sektor pertanian

SULUH WAHYU

Oleh
Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz



“SUSAH hati saya Ustaz! Penjual ayam di pasar borong pun tak dapat beri harga tepat untuk ayam hari ini. Macam ni sajalah! Saya hantar dahulu tujuh ekor ayam yang ustaz tempah. Harganya saya beri esok.”

Percaya atau tidak, itu kejutan yang saya terima minggu lepas ketika membuat tempahan ayam dengan Basheer, teman kejiwaan saya. Sudah lama dia membekalkan ayam mentah terus ke pintu rumah saya.

Amat banyak kisah keluhan berantai dalam isu ayam mentah yang dia kongsi. Terbaharu, gandum pula menjadi bualan orang ramai berikutan perang Russia-Ukraine dan keputusan kerajaan India menahan eksport gandum ke luar negeri.

Makanan dan nyawa manusia adalah kembar hidup yang termaktub dalam kamus alam. Tanpa makanan, nyawa yang bersangkar dalam tubuh manusia boleh terlepas menuju alam barzakh. Sehingga demi menjaga nyawa di jasad, Islam memberi kelonggaran untuk manusia “mengalas perut” dengan makanan haram dalam kadar yang bersesuaian.

Firman Allah yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu makan bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah dia berdosa), sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* (al-Nahl:115).

Islam memandang serius isu makanan. Buktinya al-Quran dan al-sunnah menggalakkan pemacuan industri makanan demi kelangsungan hidup manusia di bumi. Amat banyak ayat al-



ISLAM memberi galakan kepada umatnya agar terlibat dalam sektor pertanian dan bukan sekadar menjadi pengguna semata-mata. - GAMBAR HIASAN

Quran berkaitan penyediaan makanan.

Antaranya firman Allah yang bermaksud: *Dan binatang ternak itu, Dia juga menciptakan untuk kamu; terdapat padanya benda (bulu dan kulit) yang memanaskan tubuh daripada sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan.* (al-Nahl: 5)

Selain penternakan yang menjadi sumber protein manusia, al-Quran turut mengangakat industri pertanian.

Firman Allah yang bermaksud: *Maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya. Sesungguhnya kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan. Kemudian kami belah bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuhan-tumbuhan.*

Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian dan buah anggur serta sayur-sayuran, juga pokok zaitun serta pohon kurma. Dan taman yang menghijau subur. Dan berbagai buah-buahan serta berbagai rumput, untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu. (Abasa: 24-32)

Ayat ini indah dan menyeluruh isinya. Pangkalnya menyebut perihai ‘lihat’ manakala hujungnya menyebut kegunaan sumber bumi untuk ‘manusia dan haiwan ternak mereka’.

Pernyataan ‘lihat’ tidak hanya terkurung dengan dua mata zahir, sebaliknya perlu diperluaskan dalam kerangka kaji dan selidik. Allah mahu manusia yang mentadbir bumi bangkit mengkaji dan menyelidik agar segala bahan mentah bumi dimajukan untuk kegunaan mereka.

Maksudnya, jangan hanya tanam pokok tetapi kaji serta hasikan benih yang baik untuk meningkatkan produktiviti. Jangan hanya ternak ayam, itik, lembu dan kambing tetapi hasilkan juga makanan untuk menggemuk serta meningkatkan kualiti daging haiwan ternak.

Jika ayat di atas benar-benar dihayati, saya percaya haiwan ternak tempatan akan lebih murah harganya kerana kita tidak perlu lagi berhabis harta membeli dedak import dari Brazil.

Nabi SAW juga banyak memberi petunjuk agar industri makanan dimajukan. Antaranya sabda baginda yang bermaksud: *Tiada seorang lelaki pun yang bercucuk tanam, melainkan Allah akan tulis untuknya pahala pada kadar hasil tanaman tersebut.* (Musnad Ahmad, 22420).

Galakan menghasilkan sumber makanan seolah tiada titik noktah walaupun bumi sudah bergegar digoncang kiamat. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Jika kiamat*

berlaku sedangkan pada tangan kalian ada benih maka tanamlah ia. (Musnad Ahmad, 12435).

Saban tahun ada sahaja geran penyelidikan dikeluarkan oleh pihak kerajaan kepada berbagai badan penyelidikan dan universiti di Malaysia.

Jangan hanya mengkaji atau menyelidik untuk mencapai merit dalam perkhidmatan, sebaliknya fikirkan sekali cara meletuskan hasil kajian ke bumi bertuah Malaysia.

Ini kerana ada antara geran tersebut dijana oleh wang pembayar cukai. Oleh itu, kembalikan manfaatnya kepada rakyat jelata agar beras, ayam, daging dan makanan mereka lebih murah dan berkualiti. Pihak kerajaan juga perlu merangka strategi berkesan agar hasil kajian benar-benar kembali kepada negara dan kebergantungan kepada import bahan makanan dikurangkan.

Lihat strategi Nabi Yusuf a.s dalam menguruskan hasil negara. Pengurusan baginda yang bijaksana terhadap surber makanan menjadi sebab Mesir mampu bertahan ketika krisis kemarau.

Firman Allah yang bermaksud: *(Pembuat air Raja Mesir, bertanya): “Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirlah kepada kami (tentang mimpi*

raja yang melihat): tujuh ekor lembu gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu kurus dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirlah) supaya aku kembali kepada orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya”. Yusuf menjawab: *“Hendaklah kamu bersungguh menanam selama tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah ia pada tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).”* Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)”. (Yusuf: 46-49).

Selain polisi dan dana kajian, kerajaan patut menggalakkan rakyat jelata menceburi bidang pertanian dan penternakan yang menjadi sumber utama makanan negara.

Kerajaan sudah mempunyai pelbagai insentif ke arah menjana industri ini, cuma pendekatan rohani perlu digandingkan bersama agar rakyat yang berminat bukan sahaja dijanjikan hasil fizikal tetapi gandaan pahala berpanjangan.

La sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Tidak ada seorang Muslim pun yang menabur benih atau menanam tanaman, makai a dimakan oleh burung, atau manusia dan haiwan melainkan ia menjadi pahala sedekah (untuknya).* (Sahih al-Bukhari, 2152).

Saya percaya, cara menangani krisis makanan atau keselamatan makanan secara lebih praktikal dan holistik memerlukan gandingan dunia dan akhirat.

Dumianya dengan strategi melibatkan para pengkaji dan pembuat polisi, akhiraunya dengan sumbangan tenaga fikir agamawan.

Abdullah Bukhari Abdul Rahim (al-Hafiz), Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar Pusat Bahasa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Bekalan ayam di pasar awam Batu Gajah pulih

Oleh LIYANA RAMLI
utusanrnews@mediamula.com.my

BATU GAJAH: Peniaga di Pasar Awam Batu Gajah di sini kembali menerima bekalan ayam hari ini selepas dua hari tidak menjalankan perniagaan berikutan tiada penghantaran berikutan mereka sejak Ahad lalu.

Tinjauan di Pasar Awam Batu Gajah di sini mendapati, peniaga biasa pagi ini dan tidak berlaku keadaan bersesak pembeli untuk membeli ayam.

Peniaga, Muhammad Taufiq Meor Saradi, 25, berkata, dia lega kerana dapat berniaga seperti biasa setelah peniaga di pasar itu kembali menerima bekalan ayam.

Menurutnya, dia menerima bekalan ayam daripada dua pembekal.

"Saya mendapat bekalan ayam daripada dua pembekal kerana peniaga hanya boleh



MUHAMMAD Taufiq Meor Saradi menjalankan perniagaan seperti biasa setelah kembali menerima bekalan ayam di Pasar Awam Batu

mengambil 10 bakul ayam daripada satu pembekal.

"Jadi, saya terpaksa mengambil bekalan ayam dari

pada dua pembekal bagi memenuhi permintaan pelanggan," katanya.

Menurutnya, untuk se-

malam, dia hanya menjual secara terus 20 ekor ayam kepada pelanggan yang datang di pasar manakala selebihnya untuk pelanggan yang membuat pembelian secara tempahan.

"Saya mendapat 160 ekor ayam tetapi 20 sahaja dapat dijual kepada pembeli di pasar, selebihnya telah ditempah oleh pelanggan," katanya.

Katanya, kebanyakan pelanggan menempah ayam sehari lebih awal tanpa menghiraukan harga kerana mahu memastikan mereka mendapatkan bekalan.

"Ayam segar dijual dengan harga RM11 satu kilogram tetapi tiada pelanggan yang merungut malah sempat membandingkan harga ayam dari kedai sejuk beku dan pasar," katanya.

Menurutnya, keadaan di pasar semalam tidak sesak dan tiada pembelian panik berlaku berbanding sebelum heboh tiada bekalan sebelum ini.

Penternak ayam kampung lebih teruk terjejas

MELAKA: Sebahagian besar penternak ayam kampung terpaksa memberhentikan sementara atau menutup terus operasi ladang kerana tidak mampu menanggung kos dedak yang tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pembekal ayam kampung, Muhammad Naim Othman, 30, mengakui, harga dedak yang melambung naik sejak dua tahun lalu banyak menjejaskan penternak skala kecil.

Katanya, ayam kampung memerlukan tempoh yang lebih lama untuk matang berbanding ayam daging.

"Ayam kampung perlukan masa antara empat hingga lima bulan untuk matang. Dalam tempoh itu, kos membeli dedak sahaja sudah cecah ribuan ringgit sebulan. Itu belum lagi ditambah pelbagai kos lain seperti ubatan, utiliti dan upah pekerja.

"Hampir dua tahun saya terpaksa gunakan duit simpanan sendiri untuk tampung kos operasi. Sebenarnya isu yang dihadapi pembekal ayam daging turut dirasai penternak ayam kampung, tetapi tidak dilaporkan kerana permintaannya yang bermusim.

"Ramai penternak kecil yang angkat kaki menyebabkan bekalan di pasaran turut berkurangan. Lebih parah apabila pembekal benih (anak ayam) gagal penuhi keperluan penternak menyebabkan bekalan ayam kampung terjejas sebelum Hari Raya Aidilfitri lagi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas isu kekurangan bekalan ayam di pasaran yang kini sangat menekan pengguna.



Terima kasih pasang khemah

ORANG ramai yang hadir ke Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) Setia Tropika, Johor Bahru bagi melaksanakan urusan mereka berpuas hati dengan tindakan pantas kerajaan negeri dan pihak berkaitan yang melakukan penambahbaikan.

Antara langkah diambil termasuklah pemasangan khemah, laluan khas bagi orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan juga ibu mengandung. Seorang

pengunjung yang ditemui, Lim Chee Seng, 51, memberitahu, dia menghargai kemudahan yang disediakan itu selepas mendengar runtuhan orang ramai yang berunjuk ke kompleks itu sejak berminggu-lalu. "Sekurang-kurangnya orang ramai berasa lebih selesa ketika menunggu untuk melakukan urusan mereka," katanya ketika dijemput semalam.

"Terima kasih kepada pihak berwajib kerana mengambil kira masalah dihadapi

rakyat negeri ini, bagaimanapun saya tetap berharap proses pembaharuan pasport dapat disegerakan," ujarnya lagi.

■ **SEBUAH** khemah didirikan untuk orang ramai yang menunggu membuat urusan permohonan pasport Malaysia di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Taman Setia Tropika Johor Bahru semalam.
- UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	KOSMO	K2	19

1k2

Menyelami
Hidup Anda

RABU 25.05.2022

KOSMO!



Dron bendang Tanjong Karang

SEORANG pengusaha dron di Kampung Sungai Tenggi Kanan, Tanjong Karang, Selangor komited membantu anak-anak muda kampung menjana pendapatan dengan menawarkan pekerjaan mengendalikan dron bagi tugas-tugas pertanian atas petak-petak sawah di kampung yang terletak dalam daerah Kuala Selangor itu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2022	KOSMO	K2	20

DUA anak muda di Kampung Sungai Tengli Kanan, Tanjong Karang memerhati dron-dron yang diterbangkan mereka di atas petak sawah.



Seperti diupah bermain video game



Rencana Utama

Oleh
ABDUL RAZAK IDRIS

DEWASA ini, dron bukan sahaja digunakan dalam teknologi pengintipan, pengawasan dan fotografi, malah dalam bidang pertahanan dengan kemampuan membawa senjata pemusnah seperti bom dan senjata kimia, selain digunakan dalam pertanian.

Sebagai sebuah negara pertanian, rakyat Malaysia yang terkenal dengan kreativiti tinggi telah menjadikan dron iaitu pesawat udara kawalan jauh tanpa dinaiki juruterbang itu sebagai pengangkutan bagi kerja-kerja pertanian persis pesawat penyembur racun ladang gandum di Amerika Syarikat.

Seorang pengusaha dron komersial dari Kampung Sungai Tengli Kanan, Tanjong Karang, Selangor, Khairul Anuar Abdullah, 35, komited untuk menjadikan tugas mengoperasikan dron secara komersial di sawah sebagai kerjaya baharu bagi beliau di kawasan tersebut. Sememangnya Tanjong Katang dikenali sebagai salah satu kawasan penanaman padi di Selangor.

"Sasaran saya adalah golongan anak muda yang fanatik kepada penggunaan joystick atau gajet canggih untuk dijadikan pilot atau penerbang dron.

"Saya ingin mereka terlibat dengan perkara berfaedah iaitu bekerja menggunakan teknologi terkini seperti khidmat dron bagi menjaga sumber pendapatan," katanya ketika ditemui K2 di kampung itu baru-baru ini.

Memiliki dron pelbagai saiz dan merupakan pemilik Drone Eco Enterprise, Khairul Anuar berkata, dia sendiri telah memulakan kerja



KHAIRUL ANUAR (dua dari kanan) bersama beberapa anak muda yang diambil bekerja sebagai penerbang dron di sekitar sawah di Kampung Sungai Tengli Kanan, Tanjong Karang.

menyembur racun menggunakan dron di sekitar petak sawah padi milik petani di Tanjong Karang dan Sekinchan sejak Mac 2020 apabila dunia dilanda pandemik Covid-19.

Katanya, dia menggunakan dron jenis EPT pelbagai kapasiti tangki meliputi 10 liter, 12 liter, 15 liter, 25 liter hingga 30 liter bernilai RM35,000 ke atas yang mampu menjimatkan tenaga manusia dan paling utama mengurangkan risiko kesihatan.

"Jika menggunakan tenaga manusia untuk proses menyembur racun,

semak baja mahupun benih padi boleh mengambil masa selama lebih sejam untuk keluasan satu petak sawah padi iaitu kira-kira 0.6 hektar.

"Sebaliknya, jika menggunakan teknologi dron, hanya memakan masa selama 10 hingga 15 minit. Justeru tenaga anak-anak muda amat sesuai untuk melakukan kerja dalam cuaca panas di tengah kawasan lapang ini," katanya.

Jelas bapa kepada tiga orang anak perempuan itu, penggunaan dron dapat mengurangkan risiko kesihatan kepada

pesawah yang sebelum ini terdedah dengan racun yang digunakan secara langsung dan boleh mendatangkan masalah kulit, mata dan sebagainya.

"Kita hanya perlu memasukkan racun ke dalam tangki 15 liter atau lain-lain saiz, kemudian dron akan bancuh sendiri. Kerja-kerja selebihnya juga akan dilakukan oleh dron," katanya.

Khairul Anuar yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang elektrik dan elektronik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam berkata, sebelum memulakan aktiviti

INFO

Tanjong Karang

- Tanjong Karang ialah sebuah mukim, pekan dan kawasan penanaman padi yang terletak di dalam daerah Kuala Selangor
- Melalui satu rancangan yang bersestematik, tanaman padi di Tanjong Karang telah dimulakan pada tahun 1936
- Sungai Tengi merupakan sebatang sungai yang menyusur di tengah mukim ini
- Pernah menjadi terkenal selepas sebuah drama bersiri popular, *Nur Kasih*, melakukan penggambaran di kawasan ini

menyembur racun, baja mahupun benih padi, anak-anak muda yang menjadi pekerjaannya akan membuat pemetaan (mapping) petak sawah terlebih dahulu.

Mapping dilakukan untuk memastikan penyemburan oleh dron dilakukan dalam lingkungan kawasan yang tepat.

"Kerja-kerja meracun pula melibatkan penggunaan sejumlah racun dengan masa penyemburan dilakukan secara automatik menggunakan kemudahan internet jaringan tanpa wayar (WiFi) dan hotspot pada telefon pintar," katanya.

Mengenai cabaran mengendalikan dron di sawah, Khairul Anwar berkata, keadaan cuaca yang tidak menentu atau hujan lebat boleh merencatkan kerja penyemburan kerana dikhuatiri akan merosakkan sistem elektronik dron sekiranya terkena air.

Selain itu, katanya, kewujudan banyak pokok besar mahupun tiang elektrik pada sesuatu petak sawah, selain keadaan awan yang tebal turut berupaya mengganggu sensor dron.

"Ini memaksa kita melakukan semburan secara manual bagi memastikan kesemua kawasan petak sawah mendapat semburan racun, baja dan benih dengan sekata," katanya.

Kongsi Khairul Anwar, selain memberi perkhidmatan dron untuk membaja dan meracun sawah padi, pihaknya juga membaja dan meracun untuk ladang kelapa sawit, pisang dan lain-lain.

Bahkan, Khairul Anwar juga mendapat permintaan meracun ladang hingga ke Morib, Banting dan sekitar negeri Pahang.



DRON sedia untuk memulakan tugas meracun.



ANAK-ANAK muda diberi kepercayaan mengendalikan dron bernilai puluhan ribu ringgit.

Menurut seorang anak muda kampung yang diambil bekerja sebagai penerbang dron di sawah, Mohd. Ali Amri, 21, kerjaya tersebut disifatkan canggih dan futuristik. Mohd. Ali bahkan menganggap kerjaya seperti dibayar untuk bermain permainan video (video game).

"Saya dapat menguasai pengendalian

dron dalam masa sebulan sahaja. Selepas tiga bulan, saya jadi betul-betul mahir mengoperasikannya.

"Sepanjang mengendalikan dron, banyak juga pengalaman mencabar yang saya lalui. Apapun pengalaman ini membuatkan saya bercita-cita untuk mewujudkan syarikat pengendali dron sendiri satu hari nanti," katanya.

Berhati-hati sewaktu kendali dron

ANAK-ANAK muda di Kampung Sungai Tengi Kanan, Tanjong Karang, Selangor didapati begitu meminati kerjaya sebagai operator atau penerbang dron yang ditawarkan.

Mohd. Lokman Hakim Rosli, 20, yang masih mengikuti pengajian bidang teknikal di Kolej Kemahiran Mara, Kemaman, Terengganu menganggap pekerjaan sebagai pilot dron komersial sebagai kerjaya baharu yang perlu diterokai oleh semua anak muda.

"Setiap kerja ada cabarannya. Apapun yang penting perlukan minat walaupun mencabar.

"Pada awal mengendalikan dron, saya sudah berdepan cabaran halangan seperti kewujudan pokok dan tiang yang mengganggu penglihatan.

"Untuk mengendalikan dron, penglihatan perlu sentiasa tajam. Ini bagi mengelak berlaku kerosakan pada dron jika ia terlanggar sebarang objek," katanya.

Mohd. Lokman berkata, walaupun dron yang dikendalikan pernah jatuh dan mengalami kerosakan, dia yang juga boleh dianggap pakar membaki dron akan berusaha memulihkannya.

Seorang lagi anak muda, Mohd. Khairul Faiz Masduki, 19, berkata, penerbang dron atau pembantunya perlu mengambil sikap berhati-hati dalam mengendalikan dron.

"Saya amat berhati-hati dalam mengendalikan dron, apatah lagi alat tersebut berharga puluhan ribu ringgit.

"Sebagai anak muda, kepercayaan yang diberikan majikan saya balas dengan melakukan kerja selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

Jelasnya lagi, kerja-kerja yang dilakukan juga memerlukan interaksi bagi memastikan operasi seperti menyembur racun tidak menyebabkan musibah kepada orang ramai dan diri sendiri.

PEMANDANGAN indah ketika dron-dron 'bertugas' di atas petak-petak sawah.



MOHD. LOKMAN

Boikot ayam jejas ekonomi domestik

YKS anggap reaksi orang ramai jejas 'periuk nasi' peniaga kecil

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Yayasan Keusahawanan Sosial (YKS) tidak bersetuju dengan tindakan memboikot ayam yang dilihat bukan hanya memberi kesan sementara, sebaliknya bakal menjejaskan ekonomi domestik.

Pengerusi YKS Dr Ammar Hassan berkata, lebih membimbangkan masalah bekalan yang dihadapi kini bukan disebabkan peniaga ayam, tetapi berikutan tindakan 'kartel' yang mengawal bahan mentah itu.

Menurutnya, tidak adil bagi peniaga ayam yang turut terkesan dengan kekurangan bekalan sejak beberapa minggu lalu sekiranya tindakan boikot itu dilakukan.

"Peniaga tiada kuasa untuk menentukan bekalan kerana ia dikawal di peringkat ladang dan 'kartel' tertentu. "Jika pengguna memboi-

kot ayam, peniaga juga akan terkesan malah seluruh rantai ekonomi seperti pekerja juga terjejas," katanya kepada Harian Metro.

Bellau berkata, masalah ini dianggap lebih kritikal berbanding kemelut bekalan yang dihadapi sebelum ini.

Katanya, selagi rantai bekalan dikuasai syarikat swasta, maka masalah sebegini pasti akan berulang pada masa akan datang.

"Kerajaan perlu ambil langkah drastik untuk atasi masalah jangka pendek namun dalam masa sama mengenal pasti alternatif agar bekalan tidak terputus pada masa akan datang.

"Kartel ini dianggap berkuasa kerana boleh menentukan harga dan bekalan di pasaran sesuka hati jika tiada langkah segera diambil," katanya.

Bellau berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) boleh diberikan tanggungjawab menyediakan bekalan khususnya bahan mentah yang men-

dapat permintaan tinggi seperti ayam dan sayuran.

Katanya, agensi ini boleh menjalankan kerjasama dengan agensi berkaitan penternakan dan pertanian untuk mengelak daripada berlaku manipulasi orang tengah.

"Jihad orang tengah perlu di kembalikan agar barangan keperluan terus kepada pengguna dan tiada manipulasi harga serta bekalan berlaku," katanya.

"Kuasa untuk menentukan bekalan dikawal di peringkat ladang dan 'kartel'"
Dr Ammar



LANGKAH-LANGKAH MENANGANI ISU BEKALAN DAN HARGA AYAM

- Kerajaan henti eksport 3.6 juta ayam sebulan mulai 1 Jun
- Wujudkan stok penimbal ayam dan mengoptimalkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dan agensi
- Mansuh Approved Permit (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam
- Mempermudahkan proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam
- Tambah dan iktiraf loji sembelihan di luar negara bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ayam
- Kurangkan peranan orang tengah yang selama ini memanipulasi bekalan dan harga
- Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menuntut Jihad Memerangi Orang Tengah
- Syarikat berkaitan kerajaan (GLC), agensi kerajaan, pertubuhan peladang dan koperasi digalakkan dalam penternakan ayam
- Laksana penanaman jagung dan hampas isirung kelapa sawit (PKC) sebagai alternatif kepada makanan ayam
- Kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi kerajaan dan GLC dalam menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (Tol) bagi tujuan berkaitan untuk jangka masa panjang
- Kabinet dinasihatkan menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) jika terdapat aktiviti menyorok, menyimpan atau unsur sabotaj terhadap bekalan ayam
- Hanya RM50 juta subsidi sudah dibayar kepada penternak yang kebanyakannya adalah syarikat kecil



Pemain industri jamin bekalan

Putrajaya: Pemain industri ayam tempatan beri jaminan dan komitmen untuk terus membekalkan ayam bagi keperluan pasaran tempatan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dalam satu kenyataan media semalam berkata, komitmen itu disuarakan melalui sesi libat urus antara Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiang (gambar) yang diadakan bersama 12 pemain industri dan persatuan penternak yang diadakan kelmarin.

Kenyataan itu menyebut antara pemain industri dan persatuan penternak terabit adalah Leong Hup Poultry Farm Sdn Bhd, HLRB Broiler Farm Sdn Bhd, PWR Corporation Bhd, Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia (FLFAM) dan Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS).

"Mafi mengambil maklum semua isu-isu yang dibangkitkan termasuk peningkatan kos pengeluaran ayam, masalah kenaikan



berat badan ayam,jangkitan penyakit, keadaan cuaca, proses Kebenaran Merancang (KM) dan sebagainya.

"Ia antara lain menjejaskan operasi dan seterusnya memberikan kesan kepada bekalan ayam," katanya.

Turut dibincangkan adalah isu-isu berkaitan dengan pemberian subsidi ayam melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada penternak dan Mafi berkata, jabatan itu akan terus mempermudah dan mempercepatkan proses tuntutan subsidi penternak ayam bagi merancakkan aktiviti pengeluaran makanan ke arah meningkatkan pengeluaran domestik.

Kenyataan itu menyebut, Mafi sebelum ini sudah mempermandatkan prosedur permohonan bagi mempercepatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam.

Selain itu, tindakan juga sedang diambil dengan menggerakkan lebih ramai pegawai ke peringkat negeri bagi menyegerakan semakan permohonan.

Mafi berkata, melalui penetapan harga siling ayam standard pada harga RM8.90 setiap kilogram dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu, ia bertujuan untuk meringankan beban kos pengeluaran ayam yang kian meningkat.

Bagaimanapun, katanya, hanya RM50 juta subsidi sudah dibayar setakat ini.

Justeru, Kementerian itu meminta semua penternak yang memenuhi syarat mengemukakan permohonan supaya tuntutan dapat disalurkan dalam tempoh yang dijanjikan.

Bekalan ikan di Kelantan susut 30%

Kota Bharu: Harga beberapa jenis ikan di Kelantan meningkat sebanyak 20 peratus, susulan kekurangan bekalan di pasaran sejak seminggu lalu.

Harga ikan termasuk kembung dijual antara RM12 hingga RM14 sekilogram bagi saiz sederhana manakala selayang (RM14 hingga RM16 sekilogram) dan cencaru (RM10 hingga RM12 sekilogram).

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, di sini, mendapati harga ikan dijual secara borong di pasar itu juga naik sebanyak 20 peratus.

Pemhorong, Mohd Adam



Tarmizi, 35, mengakui harga ikan dijual secara borong naik sebanyak 20 peratus sejak seminggu lalu kerana kekurangan bekalan.

Katanya, bekalan ikan kurang sebanyak 30 peratus dan tidak dapat menampung keperluan pembeli menyebabkan harga naik antara RM2 bagi setiap kilogram.

"Misalnya, harga ikan

kembung yang dijual secara borong naik daripada RM6 kepada RM8, manakala selayang kasar RM10 kepada RM12 dan cencaru daripada RM6 kepada RM8.

"Bekalan ikan ini saya peroleh dari Thailand, Indonesia, Perak dan Kuantan, Pahang. Namun, bekalan sejak seminggu ini kurang menyebabkan harga meningkat," katanya yang menjadi pemborong sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, kenaikan harga ini menyebabkan pembeli merungut, namun mereka tidak ada pilihan dan tetap perlu membeli kerana ia keperluan harian.

Harga ikan di Johor Bahru naik 40%

Johor Bahru: Bekalan ikan yang berkurangan 50 peratus di bandar raya ini menyebabkan harganya di pasaran naik 40 peratus.

Tinjauan di pasar basah di Pandan, di sini, mendapati ikan dan hasil hidupan laut yang dijual peniaga tidak sebanyak sebelum ini.

Malah, beberapa lot niaga

yang menjual ikan dan hasil hidupan laut turut ditutup berbanding sebelum ini.

Penjual ikan dan hasil hidupan laut yang mahu dikenali sebagai Ong mengakui, bekalan ikan dan hasil hidupan laut berkurangan 50 peratus berbanding sebelum ini menyebabkan harganya meningkat.

Katanya, antara ikan kesukaan ramai yang berdepan masalah bekalan termasuk kembung, cencaru dan selar kuning atau lolong yang kebanyakannya diperolehi dari pembekal dari Perak dan Kedah, manakala sotong mengalami lebih penawaran berikutan musim sotong di Mersing ketika ini.

25/5/2022

BERITA
HARIAN

KOMENTAR

11

Segerakan program khas jamin bekalan makanan

Oleh Prof Madya Dr Saiful Irfan Zubairi
bhrencana@bh.com.my



Profesor Madya
Jabatan Sains
Makanan, Fakulti
Sains & Teknologi,
Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM)

Peningkatan harga ayam setiap kali musim perayaan, tengkujuh dan terbaru kekurangan bekalan makanan (jagung serta gandum) akibat krisis Russia-Ukraine hakikatnya sudah dijangkakan pengguna.

Setiap kali timbul isu itu, faktor diberikan adalah bekalan ayam berkurangan akibat kualiti anak ayam tidak sihat, maknan ayam tidak berkualiti dan berkurangan membantutkan keberhasilan semasa, selain alasan piket serta kekurangan pekerja dan paling utama, permintaan pengguna melebihi pembekalan.

Bagaimanapun, jika perubahan cuaca melampau menjadi punca tanaman jagung dan gandum berkurangan, ia perlu dipandang lebih serius pengusah tempatan.

Sumber alternatif memformulasi makanan ternakan daripada sumber tanaman tempatan perlu dipertingkatkan dan digerakkan sekarang oleh semua penyelidik hortikultural tempatan.

Perubahan cuaca mendadak memburukkan ranta-

ian pembekalan hingga dikhuatiri sumber maknan ayam berkemungkinan mengalami kerosakan akibat perubahan suhu dan kelembapan mendadak.

Dua faktor itu sangat penting dalam mengawal kesegaran dan jangka hayat makanan ternakan agar terhindar daripada kulapok serta kulat merosakkan nutrien penting tumbesaran ayam.

Kaedah pantas membantu menstabilkan harga ayam adalah dengan meningkatkan pengimporan sumber ayam mentah sejuk beku bagi menampung permintaan semasa mendadak.

Insentif pengecualian cukai tambahan korporat berusaha membantu kerajaan menstabilkan harga ayam semasa wajar dipertimbangkan. Ini dapat memberi galakan kepada syarikat tempatan sebagai antara tanggungjawab sosial korporat dalam membantu pengguna terutama peniaga tempatan bergantung kepada harga ayam stabil dalam menstabilkan harga jualan makanan dimasak.

Dengan permasalahan kerap akibat kekurangan pembekalan ini, rakyat sewajarnya memulakan peralihan sumber diet alternatif seperti sumber protein berasaskan tumbuhan dan bijiran seperti soya, barli serta gandum yang boleh dijadikan dalam pelbagai bentuk produk makanan seperti kepingan

daging kisar, nugget dan kisaran isi halus.

Kempen diet alternatif ini boleh dimulakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha menstabilkan harga semasa, sekali gus mempromosikan gaya hidup sihat.

Kewujudan kembali Pusat Fidlot Nasional lebih telus, diperbadankan dan dikelola Kementerian Kewangan seperti disarankan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menjadi langkah tepat dalam membuka peluang kepada penternak Bumiputera terutama dalam penternakan moden, mahir dan berskala besar bagi mengimbangi kelompok penternak yang sudah lama memonopoli sektor ini.

Kewujudan kembali program flagship sudah pasti memberikan tekanan positif kepada pemborong dan penternak yang kerap kali memanipulasi harga kawalan atas sebab tidak munasabah.

Ketirisan sumber bahan mentah boleh dikawal selia di sepanjang rantaian pembekalan daripada peringkat hulu (penternakan dan perlombongan) ke hiliran (pembekalan produk mentah atau produk sedia masak) melalui penggunaan konsep Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang menitikberatkan pengawalan pembekalan secara efisien, cekap serta tepat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2022	KOSMO	NEGARA	10



Kata Editor

Oleh **MUSTAPA LAKAWA**
PENGARANG BERITA

Rakyat tak boleh hidup tanpa ayam

LIMA tahun lalu, ada kajian melaporkan bahawa rakyat Malaysia memakan sejumlah 1.8 juta ekor ayam dalam sehari.

Dan pastinya pada tahun 2022 ini, jumlah itu telah meningkat sekurang-kurangnya kepada angka 2.5 juta selepas mengambil kira pertambahan jumlah penduduk dan permintaan tinggi terhadap makanan berasaskan ayam.

Ramai yang bertanya, kenapa rakyat terlalu gilakan ayam dan jawapan ilmiahnya adalah kerana sumber protein yang ada pada haiwan ternakan itu.

Paling penting kata mereka, harga ayam ketika itu masih dikategorikan sebagai murah, berbanding sumber protein lain seperti ikan dan daging.

Mengikut data Jabatan Perkhidmatan Veterinar, harga ayam standard paling rendah di peringkat runcit yang pernah direkodkan pada tahun 2016 adalah sekitar RM6.15 sekilogram.

Tahun ini, ketika rakyat secara perlahan-lahan cuba bangkit daripada 'kemusnahan' yang berlaku selama hampir tiga tahun angkara Covid-19, isu ayam sekali lagi memeningkan kepaia pentadbir negara.

Dari peringkat penternak, sehinggalah kepada pemborong, peruncit dan pengguna, masing-masing mempunyai alasan untuk mengeluh. Isunya cuma satu iaitu bekalan makin kurang, menyebabkan harga terus melambung melepasi harga siling yang ditetapkan.

Benarlah, isu ayam bukan isu remeh yang boleh dibiarkan berlalu begitu sahaja. Ia adalah isu nasional, sama pentingnya dengan perihal bilakah tarikh sebenar Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15).

Buktinya, satu Kabinet dipanggil dan dikumpulkan di Putrajaya hanya untuk duduk berbincang mengenai bekalan dan harga ayam. Mesyuarat akhirnya membuat beberapa ketetapan yang dianggap penting bagi mengatasi masalah bermusim ini.

Paling utama adalah ketegasan kerajaan untuk menghentikan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan bermula 1 Jun ini sehingga harga dan bekalan di peringkat domestik kembali stabil.

Selain itu adalah pemansuhan *approved permit* (AP) ayam termasuk ayam bulat selain memudahkan proses tuntutan subsidi oleh pihak pengeluar.

Di atas kertas, semua cadangan dan langkah yang diambil kerajaan ini cukup bijak. Ia juga memberi gambaran awal kepada satu bentuk penyelesaian jangka panjang mengenai isu ayam di peringkat negara.

Bagaimanapun, di akhirnya yang menentukan isu ini selesai ataupun tidak bukanlah menteri mahupun pemerintah, tetapi rakyat di luar sana. Rakyat hanya perlu turun ke pasar-pasar dan kedai runcit untuk melihat sama ada bekalan mencukupi ataupun tidak.

Paling penting, rakyat mengharapkan harga ayam yang terpampang di premis-premis kelak adalah harga yang masuk akal dan boleh diterima oleh semua kumpulan masyarakat.

Seperti mana kata-kata cendekiawan Indonesia, Buya Hamka, seseorang yang berakal itu sebenarnya hidup untuk masyarakatnya dan bukan buat dirinya sendiri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

Cukupkah makanan kita kalau bencana?

SAUDARA PENGARANG,

INDIA sudah menutup eksport gandum. Sekiranya tepung gandum mula dicatu, rakyat khususnya yang terlibat dengan pembuatan makanan berasaskan tepung akan menerima impak yang besar.

Kami mohon kerajaan untuk lebih mendalami isu sekuriti makanan memandangkan ini adalah masalah global. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), terdapat empat petunjuk atau indikator yang boleh digunakan dalam mengenal pasti jaminan makanan bagi sesebuah negara:

Ketersediaan makanan - Keupayaan isi rumah untuk mendapatkan bekalan makanan mencukupi dengan kualiti sepatutnya. Ia haruslah dibekalkan daripada pengeluaran makanan secara domestik atau import.

Akses makanan - Akses atau capaian isi rumah terhadap sumber mencukupi (hak) bagi mendapatkan makanan yang sesuai untuk menampung keperluan. Ini merangkumi pengeluaran dan simpanan stok dalam isi rumah, pembelian, hadiah, pinjaman dan bekalan makanan.

Penggunaan makanan - Kemampuan isi rumah untuk mendapatkan nutrien mencukupi melalui jumlah makanan diambil, keupayaan mendapatkan bekalan air bersih serta tahap penjagaan kesihatan bagi memenuhi pemakanan yang baik untuk mencapai keperluan fisiologi. Ini juga termasuk pengetahuan isi rumah atau individu berkaitan dengan pengurusan dan teknik pemprosesan makanan serta penyediaan makanan.

Kestabilan makanan - Setiap individu atau isi rumah mempunyai akses untuk mendapatkan makanan mencukupi pada setiap masa. Risiko luar jangka yang boleh mengancam keselamatan makanan harus diambil kira seperti krisis ekonomi, perubahan cuaca dan sebagainya.


Meneliti kepada kesemua komponen yang disarankan ini, jelaslah jaminan makanan atau sekuriti makanan dalam sesebuah komuniti dan negara adalah penting agar setiap lapisan masyarakat memperoleh makanan asas yang berkhiasat tanpa perlu berhadapan masalah kekurangan bekalan makanan atau terpaksa membayar dengan harga melampau.

Negara-negara luar nampaknya sudah mula mengambil tindakan-tindakan perlu demi memastikan bekalan makanan mencukupi untuk rakyat mereka. India, Indonesia telah memulakan langkah drastik.

Di manakah inisiatif sekuriti makanan kita? Apakah tahap kesiapsiagaan bank makanan kita? Sekiranya negara sekali lagi dilanda bencana alam berskala besar tahun hadapan atau hujung tahun ini, apakah persediaan dari segi bantuan makanan?

TUN FIQA MOHAMMAD

Ketua Biro Kepenggunaan
Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang)



PIC BY GHAZALI KORI

NOT OUT OF THE WOODS

THE govt's decision to indefinitely ban the export of chicken may backfire if farmers reliant on the income go bust, warns an economist. This will lead to further supply reduction and prices escalating. Consumer associations want more action to mitigate price hikes, urge people to stop eating chicken.

» REPORTS BY NURADZIMMAH DAIM, VEENA BABULAL AND AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR ON PAGES 2&3

NST
LEADERThe struggle for
Palestine

The Arabs are failing themselves

SOMETHING is burning in Israel. And it is not love. Repression, denial and self-delusion are. You won't know this unless you are a Jew. And a Zionist one at that. Knowing is one thing — many Jews know this — but telling the world as it is, is yet another. Gideon Levy, a long-time journalist and a member of the editorial board of *Haaretz*, an Israeli English daily, is one of the few Israelis who has taken to telling things as they are in Israel. It is not easy to call a spade a spade in Israel. The latest thought piece of Levy is an op-ed in *The Middle East Eye*, a regional news portal and a constant victim of Israel's spyware Pegasus. There, he says, no one in Israel knows — yes, no one — what the future holds for Israel. Or even if Israel has a future. We advance a reason for this primordial angst. Deep in their souls the Jews know that no country can build a nation on the remains of another, especially when they are the cause of the disappearance. If they do, like what the Zionists have done in Palestine, some defence mechanisms are needed to maintain sanity. Repression, denial and self-delusion do that for them.

But buried in all this is a question that is waiting to be asked. Will Palestine be occupied forever? Yes and no. Take yes first. We have a living example in the United States where the occupation of the Native Americans has become permanent. Call it "democracy" behind reservations. Let's be clear. The Native Americans didn't choose to be in "reservations". The occupied never have a choice. It is imposed on them by the occupiers. Now that is done, it is time for the US to work on African Americans. Perhaps this is why the US is so sold on the apartheid idea of Palestine for a Jews-only Israel. And by extension, Syria, Iran and even the rest of the Middle East. As this *Leader* goes to press, America is at the same table with Israel in Tel Aviv, planning the conquest of Iran. But first a war game where Teheran is the target. This is the same America that makes all the loud noise about Russia attacking a sovereign Ukraine. So why

The Zionists are not just interested in Palestine. They want the rest of the Middle East to be part of Greater Israel. After Palestine is annihilated, it will be the rest of the Middle East.

is it helping Israel invade sovereign Iran? Washington just can't be consistent. The European Union is no angel either. Its old occupier habits just refuse to go away. Occupiers love occupiers.

And now for no. Palestine is what it is today largely because of the doings of the Arabs. Tel Aviv has somehow managed to drive a wedge between the Palestinianians and the rest of the Arab nations in the Middle East. But here is the irony. The Zionists are not just interested in Palestine. They want the rest of the Middle East to be part of Greater Israel. After Palestine is annihilated, it will be the rest of the Middle East. The Arabs must wake up. We ask the Arabs, isn't the audacity of the attack on the Al Aqsa Mosque during Ramadan enough? Levy thinks the only solution is for both the Jews and Palestinianians to live in equality from the river to the sea. But for this to work, the Zionists must give up Jewish supremacy. It's like asking the leopard to give up its spots.

NEWS / *Story of the day*

REPORTS BY Veena Babulal, Ahmad Mukhsein Mukhtar, Nuradzimmah Daim, Nor Ain Mohamad Radhi and Farah Solhi

CHICKEN SHORTAGE

EXPORT BAN MAY SEE
FARMERS GO BUST

Breeders reliant on selling birds abroad may fold, lead to more price hikes

KUALA LUMPUR

THE ban on the export of chicken may backfire if farmers reliant on selling their birds abroad go bust, an economist said.

This will lead to further supply reduction and price hikes, said Professor Dr Mohd Nazari Ismail from Universiti Malaya's Business and Economics Faculty.

"If the chicken farmers need the export income because they are under financial strain, then this will backfire because the farmers will go out of business. If many farmers go out of business, supply will be reduced, and this will cause prices to go up."

He said farmers could survive the restriction if they were not saddled with large debts.

On Monday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced several short-term measures to deal with the rising prices and shortage of chicken in the country.

He said the export of 3.6 million chickens a month would be halted from June 1, until local prices and supplies had stabilised.

He also said the government would look into creating a buffer stock of chicken and optimising cold storage facilities owned by



A trader at Kuala Lumpur's Chow Kit market has only free-range (left) and old chicken in stock yesterday. (Inset) Professor Dr Mohd Nazari Ismail. PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

the Agriculture and Food Industries Ministry.

Ismail Sabri said approved permits for poultry would be abolished to ease imports, more slaughterhouses abroad would be accredited to supply chicken to the country and subsidy claims for chicken farmers would be simplified.

The Malaysian Competition Commission has also been tasked with investigating the supply shortages and is expected to submit a report in June.

Ismail Sabri said action would be taken if a cartel was behind the chicken and egg supply woes since the beginning of the year.

Federation of Malaysian Consumers Associations president Datuk Dr Marimuthu Nadason

called for a month-long boycott of chicken, adding that "the cartels will take us for a ride" if this did not happen.

